

UNSUR-UNSUR MORAL DALAM CERITA LEGENDA  
TERPILIH: SATU PENELITIAN TERHADAP TEKS 366  
*CERITA RAKYAT TERKENAL*

NURLIZA BINTI MOHAMED

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

2024



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**UNSUR-UNSUR MORAL DALAM CERITA LEGENDA  
TERPILIH: SATU PENELITIAN TERHADAP TEKS 366  
*CERITA RAKYAT TERKENAL***

**NURLIZA BINTI MOHAMED**

**TESISINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA  
PENGAJIAN WARISAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh..... sehingga....



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi dimana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

---

Tandatangan

Nurliza Binti Mohamed

C20A1326

Tarikh:        /        / 2024

---

Tandatangan Penyelia

Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob

Tarikh:        /        / 2024

## PENGHARGAAN

Bismillahir-Rahmanir-Rahim dan Assalamualaikum.

Segala puji bagi Allah, saya bersyukur di atas kurniaan limpah rahmat dan kurniaan masa, nyawa, dan tenaga yang dikurniakan kepada saya serta membolehkan saya melaksanakan tugas ini dengan jayanya. Pencapaian dalam usaha untuk menyiapkan projek penyelidikan akhir ini datangnya daripada sokongan setiap pihak. tidak boleh disifatkan semata-mata atas usaha saya sendiri, namun melibatkan tanggungjawab semua pihak termasuk sokongan, bimbingan dan motivasi sama ada secara langsung dan tidak langsung. Mereka sentiasa memberikan bantuan dan berkongsi kebijaksanaan dengan saya, walaupun kebolehan dan pengetahuan saya terhad. Sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi ini merupakan suatu peranan penting demi memastikan proses penulisan projek penyelidikan ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan mendapat berkah daripada Allah SWT.

Pertama sekali, saya dengan rendah hati ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan berterima kasih kepada Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob di atas sumbangan yang tidak ternilai sebagai penyelia dan pensyarah dalam usaha untuk membantu proses penulisan penyelidikan ini dengan cemerlang. Tanpa bimbingan dan sokongan daripada beliau tidak mungkin saya menggapai kejayaan ini yang cukup membangangkan ibu bapa, para pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan. Saya juga ingin berterima kasih kepada beliau, kerana segala bantuan yang telah diberikan sepanjang proses penyelidikan ini berlangsung. Hal ini kerana, beliau sentiasa tidak jemu dalam usaha memberikan tunjuk ajar, teguran, nasihat, bimbingan serta seseorang yang memiliki tahap kesabaran yang baik. Sehubungan itu, segala bantuan yang telah diberikan oleh beliau, pasti mendapat ganjaran daripada Allah SWT dan atas kebaikan tersebut nescaya Allah SWT sahaja yang dapat membala segala nikmat tersebut. Selain itu, saya juga sentiasa memohon dan berdoa agar Allah SWT merahmati beliau sekeluarga dengan kehidupan yang penuh dengan kesejahteraan, keharmonian dan ketenangan. Namun itu, saya ingin mengungkapkan rasa kasih dan sayang kepada beliau kerana telah menjadi seorang pendidik yang ikhlas dalam memberikan segala kritikan dan didikan kepada diri saya dan rakan-rakan seperjuangan.

Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa saya kerana telah menjadi tonggak utama dalam memberi segala kemudahan sepanjang pengajian saya di Universiti Malaysia Kelantan. Tanpa dorongan dan doa daripada kedua ibu bapa tercinta, saya yakin dan percaya kejayaan yang saya peroleh hari ini tidak boleh dicapai dengan jayanya. Di samping itu, mereka juga menjadi sumber inspirasi dan kekuatan untuk menjadikan saya seseorang individu bergelar seorang anak dan pelajar yang kuat serta bertanggungjawab. Terima kasih, Ibu dan ayah atas kasih sayang dan sokongan yang diberikan sepanjang liku-liku perjuangan ini. Terima kasih juga kepada ahli keluarga yang lain serta rakan-rakan seperjuangan saya.

Sekian, terima kasih.

*lizamed*

Nurliza Binti Mohamed  
Kampung Pejing, 28100  
Chenor Pahang  
Emel: [c20a1326@siswa.umk.edu.my](mailto:c20a1326@siswa.umk.edu.my)

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	v
SENARAI CARTA	vi
SENARAI RAJAH	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	15
1.7 Definisi Operasional	17
1.7.1 Cerita Rakyat	17
1.7.2 Unsur Moral	18
1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu	19
1.8 Organisasi Kajian	21
1.9 Penutup	23
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1 Pengenalan	24
2.2 Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia	25
2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya Sastera	61
2.4 Penutup	83
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	84
3.2 Reka Bentuk Kajian	85
3.3 Kaedah Kajian	85
3.3.1 Kajian Kepustakaan	85
3.3.2 Teks	86
3.4 Teori Pengkaedahan Melayu	86
3.4.1 Pengkaedahan Alamiah	88
3.4.1.1 Pendekatan Gunaan	89
3.4.1.2 Pendekatan Moral	89
3.4.1.3 Pendekatan Firasat	91
3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan	93
3.4.2.1 Pendekatan Dakwah	93
3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan	94
3.4.2.3 Pendekatan Seni	95
3.5 Kerangka Konseptual	97
3.6 Penutup	98

<b>BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	99
4.2 Politik	100
4.2.1 Unsur Moral Bekerjasama	101
4.2.2 Unsur Moral Keberanian	104
4.2.3 Unsur Moral Keadilan	106
4.3 Keagamaan	110
4.3.1 Unsur Moral Ketaatan	110
4.3.2 Unsur Moral Bersyukur	112
4.3.3 Unsur Moral Kejujuran	114
4.3.4 Unsur Moral Merendah Diri	117
4.4 Sosial	120
4.4.1 Unsur Moral Kasih Sayang	120
4.4.2 Unsur Moral Bekerjasama	125
4.4.3 Unsur Moral Kebijaksanaan Mengatur Strategik	127
4.4.4 Unsur Moral Kebijaksanaan Berfikir	130
4.4.5 Unsur Moral Baik Hati	132
4.4.6 Unsur Moral Kesetiaan	135
4.4.7 Unsur Moral Persahabatan	137
4.4.8 Unsur Moral Murah Hati	138
4.4.9 Unsur Moral Bermuafakat	140
4.4.10 Unsur Moral Kerajinan	143
4.4.11 Unsur Moral Tolong-Menolong	145
4.5 Penutup	147
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	
5.1 Pengenalan	148
5.2 Rumusan	149
5.3 Cadangan	152
5.4 Penutup	155
<b>RUJUKAN</b>	156
<b>BIODATA PENULIS</b>	163

SENARAI JADUAL

HALAMAN

Jadual 1.5: Senarai Tajuk Cerita Legenda, Sistem dan Unsur-unsur Moral

12



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

SENARAI CARTA	HALAMAN
Carta 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu	87
Carta 3.4.1 Jenis Pengkaedahan Alamiah	89
Carta 3.4.2 Jenis Pengkaedahan Keagamaan	93

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

SENARAI RAJAH

HALAMAN

Rajah 3.5: Kerangka Konseptual

97



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

Unsur-Unsur Moral Dalam Cerita Legenda Terpilih: Satu Penelitian Terhadap *Teks  
366 Cerita Rakyat Terkenal*

ABSTRAK

Selama berabad-abad, cerita rakyat Melayu telah menjadi genre sastera yang dihargai yang telah memikat hati orang dari semua latar belakang. Pada masa kini, cerita rakyat Melayu tradisional semakin hilang kepentingannya dalam masyarakat Melayu. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan kesan teknologi moden kepada masyarakat. Oleh hal demikian, memandangkan kepentingan cerita rakyat Melayu ini dalam masyarakat Melayu, satu kajian menyeluruh telah dijalankan untuk menghidupkan semula unsur yang telah lama menjadi asas kepada budaya unggul dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, dapat dibuktikan bahwasanya penyampaian cerita rakyat Melayu dalam kalangan penglipur lara dapat memberi panduan berharga kepada masyarakat di kampung atau desa. Kajian berkaitan dengan unsur-unsur moral dalam cerita rakyat di Malaysia sudah tentu telah dijalankan oleh beberapa penyelidik dalam usaha memartabatkan cerita rakyat Melayu dalam kalangan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa yang bersatu padu di Malaysia. Namun begitu, pengkajian terhadap unsur-unsur moral yang terkandung dalam cerita legenda di Malaysia masih belum menyeluruh dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lain. Hal ini, kerana penyelidikan yang membataskan cerita rakyat dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* kursusnya genre cerita legenda masih mempunyai kelompongan yang sesuai untuk membuktikan kewujudan unsur moral yang dapat memberi pedoman kepada khalayak pembaca. Lantaran itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur moral yang terkandung dalam cerita legenda berdasarkan teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Selain itu, unsur moral turut diaplikasikan dengan Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Antara 25 cerita legenda yang dibataskan ialah *Kota Kulit Kerang, Burung Rajawali Yang Ganas, Gergasang, Awang Selamat, Anak Yang Patuh, Kaca Bertukar Emas, Penjual Kayu Api, Bersikap Jujur, Tukang Besi Dan Tukang Kayu, Puteri Pucuk Kelumpang, Batu Belah Batu Bertangkup, Kasih Sayang Keluarga, Asal Usul Pinggan, Sang Kancil Dengan Buaya, Si Balau Penyelamat Kampung, Puteri Yang Bijaksana, Khadam Yang Bijak, Melor Dan Melah, Harga Sepinggan Nasi, Seri Menanti, Setiakawan, Wak Sinong, Tukang Gasing, Berkat Muafakat, Rajin Berusaha serta Bayan Dan Puteri Kayangan*. Seterusnya, kajian ini bersifat kualitatif yang mendasari terhadap kaedah kepustakaan dan teks. Seterusnya, Teori Pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai deduktif kajian dengan jalinan Pengkaedahan Alamiah dan Keagamaan demi memperincikan analisis data kajian. Justeru, dapatkan kajian ini telah membuktikan bahwasanya cerita legenda yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* memiliki unsur moral sebagai panduan untuk membentuk perlakuan positif dalam kalangan masyarakat tanpa mengira peringkat umur, kursusnya ia dapat dijadikan sebagai medium hiburan, kritikan sosial, pengajaran dan didaktik terhadap golongan kanak-kanak.

Kata Kunci: Cerita Rakyat, Cerita Legenda, Unsur-Unsur Moral, *Teks 366 Cerita Rakyat Terkenal*, Teori Pengkaedahan Melayu.

Moral Elements In Selected Legendary Stories: A Study Of The Texts Of 366  
*Famous Folktales*

ABSTRACT

Malay folklore has enthralled readers of all backgrounds for generations as a prized literary form. In today's Malay society, traditional folklore is becoming less significant. The primary cause of this is the growing influence of contemporary technology on society. Consequently, a thorough investigation has been carried out to bring back components that have long served as the foundation of superior culture in Malay society, taking into account the significance of this folktale in Malay society. It is therefore demonstrable that the telling of Malay folktales by those who tend to the sick can offer the town or village's residents insightful counsel. Naturally, a number of experts have investigated the moral component of Malaysian folklore in an attempt to elevate Malay folklore within the country's united Muslim and Christian communities. Other researchers have not, however, yet thoroughly examined the moral lessons found in Malaysian folktales. This is due to the fact that the research that restricts folk tales to the legend story genre in the text of the 366 Famous Folk Tales course still has an appropriate gap to demonstrate the existence of moral aspects that can provide readers with guidance. Thus, using the text of 366 Famous Folktales as a basis, this study was conducted to find and examine the moral lessons found in legendary tales. Furthermore, the Malay Methodology Theory, developed by Hashim Awang in 1989, is also used to apply the moral component. Among the 25 legendary stories that are limited are the *Kota Kulit Kerang*, *Burung Rajawali Yang Ganas*, *Gergasang*, *Awang Selamat*, *Anak Yang Patuh*, *Kaca Bertukar Emas*, *Penjual Kayu Api*, *Bersikap Jujur*, *Tukang Besi Dan Tukang Kayu*, *Puteri Pucuk Kelumpang*, *Batu Belah Batu Bertangkup*, *Kasih Sayang Keluarga*, *Asal Usul Pinggan*, *Sang Kancil Dengan Buaya*, *Si Balau Penyelamat Kampung*, *Puteri Yang Bijaksana*, *Khadam Yang Bijak*, *Melor Dan Melah*, *Harga Sepinggan Nasi*, *Seri Menanti*, *Setiakawan*, *Wak Sinong*, *Tukang Gasing*, *Berkat Muafakat*, *Rajin Berusaha serta Bayan Dan Puteri Kayangan*. Secondly, this study uses text and library approaches and is qualitative in character. Subsequently, the Malay Methodology Theory is employed as a deductive investigation, incorporating both Natural and Religious Methodologies to provide specifics regarding the data analysis. The study's conclusions thus demonstrate that, regardless of age, the fables found in the book 366 Famous Folk Tales have a moral component that serves as a guide for developing positive behaviour in the community. The course can also be utilised as a didactic, social criticism, teaching, and entertainment tool for young readers.

Keywords: Folklore, Selected Legends, Moral Elements, Teks 366 Cerita Rakyat Terkenal, Theory of Malay Methodology.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Mengikut pendapat Muhammad Salleh (1995) sastera merangkumi kedua-dua karya lisan dan tulisan yang mengandungi unsur naratif dan disampaikan melalui bahasa. Sebelum merdeka, terdapat seorang pendeta Melayu bernama Zaa'ba yang mendefinisikan sastera sebagai sejenis surat atau karangan. Pemahaman terhadap sastera tidak menggambarkan makna sebenar sastera yang wujud pada masa kini. Ali Ahmad (1994) menyatakan bahawa perkataan kesusasteraan yang ditambah imbuhan di hadapan dan di belakang menunjukkan kepada kesenian persuratan yang dapat dilihat melalui kata atau bahasa yang indah serta halus.

Sejak berabad-abad lamanya, sastera telah menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat Melayu dan pengaruhnya terus dirasai walaupun pada zaman moden. Aliran yang berterusan ini telah membentuk budaya, tradisi dan kepercayaan orang Melayu dan telah diturunkan dari generasi ke generasi. Walaupun banyak perubahan dan kemajuan yang berlaku selama ini, kesusasteraan tetap menjadi aspek penting dalam masyarakat Melayu berfungsi sebagai sumber inspirasi, pengetahuan, dan hiburan. Menurut Hashim Awang (1987) kesusasteraan adalah satu bentuk ekspresi seni yang disampaikan melalui bahasa dan memberi kesan yang besar kepada masyarakat. Menurut perspektif Hashim Awang (1987) kesusasteraan lisan merujuk kepada bentuk kesusasteraan yang disampaikan melalui perkataan lisan, manakala kesusasteraan bertulis ialah jenis kesusasteraan yang disampaikan melalui tulisan. Sastera mempunyai banyak keindahan, melangkaui daya tarikan estetiknya, merangkumi nilai dan keupayaan yang wujud untuk menyampaikan pemikiran dan emosi. Oleh hal demikian, masyarakat Melayu sering menggunakan sastera sebagai alat komunikasi dan

ekspresi dalam kewujudan rutin masyarakat. Masyarakat Melayu terkenal dengan koleksi cerita rakyat yang merangkumi cerita legenda, mitos dan cerita jenaka.


Pada dasarnya, kesusasteraan lisan juga dikenali sebagai kesusasteraan rakyat atau cerita yang diceritakan oleh orang ramai bermula sejak zaman dahulu lagi. Menurut kenyataan Mohd Taib Osman (1965), sastera rakyat merupakan fenomena global yang sebatи dalam warisan budaya setiap bangsa. Sastera ini diturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya, berfungsi sebagai penghubung yang berharga antara masa lalu dan masa kini. Malah, cerita rakyat juga merupakan cara terbaik untuk meneroka budaya, pemikiran, cara hidup, adat resam, serta kepercayaan dan adat resam orang Melayu terdahulu (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Namun begitu, di sebalik usia dan nilai kandungannya, karya sastera ini semakin tenggelam dalam kekaburuan setiap hari. Adalah penting ia didokumentasikan dan dihormati kerana khazanah yang terkandung di dalamnya, bukan sahaja kepada komuniti yang menyokong tetapi juga sebagai aset penghargaan kepada semua (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa cerita rakyat memainkan peranan yang signifikan dalam memelihara tradisi dan adat resam masyarakat yang mempunyai ikatan yang sebatи dengan manusia. Menurut perspektif Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), cerita rakyat berasal daripada masyarakat dan diiktiraf sebagai satu bentuk sastera daerah yang disebarluaskan oleh kumpulan etnik dan sosial tertentu dalam budaya masing-masing. Tambahan pula, sastera jenis ini banyak terdapat nilai-nilai positif. Cerita rakyat ialah satu bentuk kesusasteraan yang disebarluaskan oleh sebuah masyarakat dan dimiliki secara kolektif oleh masyarakat tersebut.

Seterusnya, legenda adalah sejenis cerita rekaan yang mempunyai kaitan dengan peristiwa atau tokoh sejarah sebenar. Cerita yang telah disampaikan memberikan petunjuk atau bukti sesuatu peristiwa yang telah berlaku. Lagenda ialah cerita tentang

prosa rakyat yang dipercayai benar oleh masyarakat yang menceritakannya. Lazimnya, cerita-cerita ini diubah menjadi sejarah yang dikongsi bersama. Cerita legenda biasanya berkisahkan tentang tokoh terkenal yang kononnya wujud pada zaman dahulu. Watak-watak ini biasanya dikaitkan dengan ciri-ciri kepahlawanan yang merupakan sumber penghormatan bagi penduduk setempat. Kisah legenda itu berakar umbi dalam realiti, berbanding latar fiksyen. Contoh utama cerita seperti itu ialah cerita *Mahsuri* dan *Puteri Lindungan Bulan*. Legenda adalah cerita turun temurun yang menggambarkan eksplorasi tokoh legenda, kewujudan makhluk mitos, kejadian keajaiban dan kehadiran kuasa ghaib. Cerita-cerita ini selalunya melibatkan unsur-unsur ajaib dan digunakan untuk menerangkan fenomena alam atau mempamerkan kebolehan luar biasa individu dalam legenda. Pada pendapat Hooykaas (1965) mendefinisikan legenda sebagai sejenis cerita rakyat yang mengisahkan peristiwa-peristiwa yang mempunyai kepentingan sejarah, yang dihiasi dengan unsur-unsur ajaib kerana kebolehan ghaib protagonis dalam cerita. Selain itu, William R. Bascom (1954) menyatakan bahawa legenda adalah cerita yang hampir menyerupai cerita mitos. Ia dianggap berdasarkan peristiwa sebenar dan sering dipercayai telah berlaku, tetapi ia tidak dianggap sebagai suci. Di samping itu, mengikut pendapat Yusoff Iskandar (1986) legenda adalah kisah yang diturunkan dari zaman purba yang menggabungkan unsur-unsur sejarah sebenar dan penceritaan imaginatif, yang kebenarannya tidak dapat disahkan secara muktamad.

Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa cerita rakyat merupakan bahagian penting dalam warisan kita yang perlu dipertahankan dan dipelihara agar ia tidak lenyap dari sanubari masyarakat. Oleh hal demikian, cerita rakyat ini dipenuhi dengan pengajaran berharga yang menyumbang kepada pembangunan identiti budaya yang kukuh dalam masyarakat Melayu, akhirnya membawa kepada penciptaan tamadun yang lebih maju. Berdasarkan kisah sejarah ini maka lahirlah unsur moral dalam setiap cerita yang disampaikan. Oleh itu, unsur moral perlu ditonjolkan agar masyarakat dapat belajar dan berusaha membentuk akhlak yang baik. Pada zaman kini, pendedahan tentang

moral kurang dititikberatkan, dengan adanya kajian ini dapat membantu meningkatkan unsur moral dalam kehidupan untuk dijadikan sebagai teladan kepada masyarakat. Oleh hal demikian, buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* mengandungi pelbagai cerita, semuanya mempunyai unsur moral. Ini kerana cerita rakyat sering digunakan untuk mengajar kanak-kanak kepentingan nilai seperti menghormati orang lain, sabar dan merendah diri terhadap orang lain serta tidak angkuh dan sompong diri kerana itu merupakan sikap yang tidak baik untuk diamalkan oleh setiap manusia.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.2 Pernyataan Masalah

Bagi mana-mana penyelidik, adalah penting untuk menghasilkan pernyataan yang jelas dan padat tentang masalah kajian sebagai langkah utama dalam menjalankan kajian penyelidikan. Pengkaji mendapati terdapat masalah dengan penyelidikan yang dijalankan.

Setelah menjalankan pemerhatian terhadap sorotan kajian lepas, pengkaji mendapati terdapat kelomongan dalam penyelidikan lepas. Antara kajian yang dianalisis oleh pengkaji ialah *Cerita Orang Melayu: Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Cerminan Budaya Melayu* oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad, dan Mohd Sharifudin (2015). *Nilai Baik Hati Melalui Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu: Satu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016), *Transcoding Intangible Heritage: The Folklore Stories of Malaysia* oleh Delas Sentano (2017), *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penyelidikan Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), dan *Out of Print To Digital: Reconstruction of Folklore In Malaysia* oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Isaac, and Siti Ezaleila Mustafa (2019).

Kajian yang dijalankan sebelum ini telah mendedahkan bahawa terdapat kekurangan tumpuan untuk mengkaji unsur-unsur moral dalam cerita legenda terpilih yang digambarkan dalam cerita rakyat terkenal. Bidang penyelidikan khusus ini belum diterokai secara menyeluruh oleh para sarjana. Matlamat pengkaji menjangkau lebih daripada sekadar mengenal pasti unsur-unsur moral dalam cerita legenda terpilih. Pengkaji juga berusaha untuk menggalakkan kesedaran dalam masyarakat mengenai unsur-unsur moral dalam cerita ini, menekankan bahawa individu yang berbudi luhur adalah aset berharga yang tidak boleh diukur dari segi wang ringgit. Oleh hal demikian, kajian yang berkaitan dengan unsur-unsur moral dalam cerita legenda terpilih dalam

cerita rakyat adalah penting untuk dilaksanakan bagi memenuhi permasalahan kajian ini. penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka dan menjelaskan secara meluas unsur-unsur moral yang terdapat dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*.

Selain itu, kajian terdahulu menunjukkan bahawa penyelidikan bagi cerita legenda masih belum dijalankan secara menyeluruh dan terperinci. Tindakan menjalankan penyelidikan boleh didekati dan diterokai dari pelbagai sudut dan perspektif, dengan tumpuan khusus pada pengkajian unsur moral dan penelitian sudut pandangan masyarakat. Oleh hal demikian, pengkaji merasakan kewajipan yang kuat untuk menjalankan penyelidikan yang meluas tentang cerita legenda terpilih dalam cerita rakyat, didorong oleh keinginan untuk mendedahkan dan meneroka unsur moral yang terkandung dalam cerita rakyat yang terkenal. Komitmen terhadap unsur moral dalam menganalisis cerita legenda ini dianggap sebagai pendekatan yang tulus dan naluri yang membolehkan pengkaji mendapat pemahaman yang lebih mendalam tentang implikasi kemasyarakatan dan etika yang disampaikan melalui kisah-kisah ini. Tujuan kajian ini bukan semata-mata untuk menangani kekosongan yang ditinggalkan oleh kajian terdahulu, tetapi juga untuk memberi penerangan dan kesedaran tentang kepentingan memelihara khazanah cerita legenda yang tidak ternilai dalam masyarakat.

## 1.2 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan telah menimbulkan beberapa persoalan yang perlu diterokai dengan lebih lanjut, antaranya ialah:

- 1.3.1 Apakah unsur-unsur moral yang terkandung dalam cerita legenda terpilih berdasarkan teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*?
- 1.3.2 Bagaimanakah unsur-unsur moral yang terkandung dalam cerita legenda terpilih berdasarkan teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*?
- 1.3.3 Sejauhmanakah pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dengan perkaitan unsur-unsur moral yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*?

#### 1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan membawa kepada penggubalan beberapa objektif yang ingin dicapai, antaranya ialah:

- 1.4.1 Mengenal pasti unsur-unsur moral yang terkandung dalam cerita legenda terpilih berdasarkan teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*.
- 1.4.2 Menganalisis unsur-unsur moral yang terkandung dalam cerita legenda terpilih berdasarkan teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*.
- 1.4.3 Membincangkan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dengan perkaitan unsur-unsur moral yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*.

## 1.5 Batasan Kajian

Terdapat beberapa kajian yang mungkin mempunyai batasan dalam kebolehgunaan terhadap penghasilan penulisan ini oleh pengkaji. Pengkaji telah memilih sebuah buku yang bertajuk *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Buku ini telah diterbitkan oleh Edukid Publication Sdn. Bhd dan diedarkan oleh Edukid Distributors Sdn. Bhd pada tahun 2023. Selain itu, buku ini ditulis oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusof dan Fatimah Abdul Nasir. Tambahan pula, di dalam buku ini terdapat 366 cerita dan jumlah keseluruhan 220 halaman bercetak. Buku yang digunakan oleh pengkaji adalah buku edisi yang terbaru.

Setelah meneliti dengan teliti motif di sebalik pemilihan buku ini, terdapat banyak rasional yang mendorong para sarjana untuk mengutamakannya sebagai sumber utama untuk perundingan teks. Aspek pertama yang dirujuk adalah berkaitan dengan kerangka dalaman buku, di mana inti kandungan dibentangkan dengan cara yang disusun dengan teliti, bermula dari halaman pertama dan memuncak pada halaman yang terakhir. Selain itu, organisasi dalaman cerita rakyat yang sangat tersusun terbukti dengan cara ia dikumpulkan dan disusun mengikut bulan dalam setahun, bermula dengan Januari dan berakhir dengan Disember. Sistem pengkategorian ini menyerlahkan perhatian yang teliti terhadap perincian dan perancangan rapi yang digunakan untuk menyusun cerita rakyat ini. Sebagai gambaran, sepanjang bulan Januari, terdapat sejumlah 31 cerita berbeza yang tergolong dalam genre cerita rakyat.

Selain itu, berkaitan dengan penggunaan bahasa. Bahasa yang digunakan dalam bahan bertulis adalah sesuai untuk pembaca pada semua peringkat umur kerana kesederhanaan dan kemudahan pemahaman. Pengarang buku ini telah memastikan menggunakan bahasa yang tidak terlalu kompleks atau sukar untuk difahami demi memastikan pembaca tidak tertekan atau terbebani dengan teks tersebut. Walaupun dimasukkan kedua-dua ayat yang panjang dan ringkas dalam penceritaan rakyat, buku

ini secara konsisten menggunakan bahasa yang tidak rumit, ringkas dan betul dari segi tatabahasa. Cerita rakyat dicirikan oleh struktur ayat yang panjang dalam ceritanya, pembaca dapat menghuraikan mesej utama yang disampaikan di dalamnya, menunjukkan keupayaan untuk mengenalpasti dan memahami matlamat asas. Seterusnya, pengkaji tertarik kepada aspek lain seperti penggunaan bahasa yang lembut dan sopan. Buku ini mengandungi koleksi cerita rakyat yang mungkin termasuk contoh dimana watak meluahkan kemarahan atau kekecewaan mereka melalui penggunaan bahasa yang kesat seperti memaki hamun dan mengherdik. Pengarang buku ini telah menunjukkan kebijaksanaan dengan menggunakan bahasa yang sopan, yang secara berkesan dalam menyampaikan mesej bahawa penggunaan bahasa yang menyenggung perasaan tidak perlu. Pendekatan ini membantu pembaca memahami bahawa terdapat cara yang lebih berkesan dan hormat dalam berkomunikasi.

Seterusnya, buku ini dipilih oleh pengkaji kerana mempunyai imej dan ilustrasi yang menarik yang menambahkan lagi kemeriah dan minat pada kandungannya. Penggunaan representasi yang bertenaga dan menarik perhatian adalah penting dalam menarik tumpuan masyarakat, terutamanya golongan muda dan menimbulkan rasa ingin tahu mereka untuk melibatkan diri dalam membaca. Oleh hal demikian, penggunaan visual mempunyai kuasa untuk mempengaruhi emosi dan sentimen pembaca. Ini disebabkan oleh fakta bahawa visual mempunyai tahap impak tertentu yang boleh menembusi hati dan minda pembaca, mewujudkan kesan berkekalan yang boleh menjelaskan perspektif dan sikap pembaca terhadap topik atau perkara tertentu. Jika buku cerita rakyat hanya mengandungi teks biasa, ia boleh menyebabkan pembaca menjadi tidak berminat dan mengantuk dalam masa yang singkat. Malah, penggunaan visual yang kurang warna dan hanya menampilkan rona hitam dan putih boleh menyumbang kepada suasana suram untuk pembaca. Ini kerana ciri-ciri cerita rakyat yang mempesona dan megah mungkin tidak dapat dilihat dengan jelas. Tambahan pula, pengkaji menyedari bahawa setiap cerita rakyat yang dimuatkan dalam karya

sastera disertakan dengan ilustrasi yang menarik secara visual dan mudah difahami. Visual ini memainkan peranan penting dalam menarik perhatian pembaca dan menimbulkan rasa ingin tahu pembaca untuk mendalami naratif sebuah cerita. Satu contoh adalah persembahan gambaran visual yang menunjukkan seseorang individu yang ditimpa penyakit atau penderitaan yang dahsyat. Ini membawa kepada timbulnya persoalan dalam pemikiran seseorang berkenaan peristiwa yang telah berlaku.

Di samping itu, cerita rakyat yang dipaparkan dalam karya sastera ini merangkumi pelbagai jenis genre dan gaya cerita rakyat yang telah dipilih dengan teliti untuk memenuhi minat dan daya tarikan pembaca pada waktu lapang mereka. Antaranya cerita yang terdapat adalah jenaka, mitos, binatang, legenda dan lain-lain. Kewujudan pelbagai cerita rakyat ini telah memikat hati para penyelidik dan pembaca, kerana pembaca dapat menyelami cerita yang tiada kesudahan tanpa kehilangan minat. Oleh hal demikian kerana, setiap cerita rakyat mempunyai jalan cerita yang unik. Malah, pendedahan kepada pelbagai jenis cerita rakyat dapat memberikan pandangan yang berharga kepada pembaca. Melalui penerokaan cerita rakyat, pembaca berpeluang menemui asal usul nama tempat, memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang sejarah dan budaya suatu wilayah.

Akhir sekali, buku ini banyak mengandungi pelbagai unsur-unsur yang berkaitan dengan moral, kritikan masyarakat, polemik dan ciri-ciri lain yang serupa. Cerita rakyat adalah sumber yang kaya dengan mesej positif yang menawarkan panduan berharga kepada pembaca di semua peringkat kehidupan mereka. Oleh hal demikian kerana, mesej yang positif mempunyai keupayaan untuk memberi kesan kepada proses pemikiran pembaca dan memberi inspirasi kepada pembaca untuk berfikir dengan cara yang sama. Kuasa positif boleh memberi kesan mendalam pada pemikiran seseorang dan akhirnya membawa kepada pandangan yang lebih optimistik terhadap kehidupan. Manakala, bagi polemik pula mengemukakan pandangan negatif sebenarnya yang menonjolkan

bagaimana pengarang cerita terdahulu menggambarkan realiti sebenar masyarakat Melayu pada masa lalu. Para pengarang ini dapat menjelaskan isu-isu yang berlaku dalam masyarakat melalui cerita rakyat ini. Intipati teras cerita rakyat ini terletak pada niat asalnya untuk menyampaikan ilmu dan mempengaruhi perkembangan watak masyarakat atau khalayak. Justeru, kehadiran kelima-lima sebab yang kukuh inilah yang mendorong pengkaji untuk memilih buku *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Faktor-faktor ini amat penting dalam proses membuat keputusan dan memainkan peranan penting dalam pilihan akhir buku ini.

Pengkaji telah memilih cerita legenda terpilih dalam cerita rakyat tertentu untuk difokuskan dalam analisis terhadap unsur moral yang terdapat dalam teks berdasarkan buku yang dipilih. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan 25 buah cerita legenda terpilih yang terdapat dalam cerita rakyat yang sebagai sumber maklumat. Di bawah adalah katalog tajuk cerita, sistem dan disertai dengan unsur-unsur moral yang terdapat dalam cerita tersebut.

Bil	Tajuk Cerita Legenda	Sistem	Unsur Moral
1.	<i>Kota Kulit Kerang</i>	Politik	Bekerjasama
2.	<i>Burung Rajawali Yang Ganas</i>	Politik	Bekerjasama
3.	<i>Gergasang</i>	Politik	Keberanian
4.	<i>Awang Selamat</i>	Politik	Keadilan
5.	<i>Anak Yang Patuh</i>	Keagamaan	Ketaatan
6.	<i>Kaca Bertukar Emas</i>	Keagamaan	Bersyukur
7.	<i>Penjual Kayu Api</i>	Keagamaan	Kejujuran
8.	<i>Bersikap Jujur</i>	Keagamaan	Kejujuran
9.	<i>Tukang Besi Dan Tukang Kayu</i>	Keagamaan	Merendah Diri
10.	<i>Puteri Pucuk Kelumpang</i>	Sosial	Kasih Sayang
11.	<i>Batu Belah Batu Bertangkup</i>	Sosial	Kasih Sayang
12.	<i>Kasih Sayang Keluarga</i>	Sosial	Kasih Sayang
13.	<i>Asal Usul Pinggan</i>	Sosial	Bekerjasama
14.	<i>Sang Kancil Dengan Buaya</i>	Sosial	Kebijaksanaan Mengatur Strategik
15.	<i>Si Balau Penyelamat Kampung</i>	Sosial	Kebijaksanaan Mengatur Strategik
16.	<i>Puteri Yang Bijaksana</i>	Sosial	Kebijaksanaan Mengatur Strategik
17.	<i>Khadam Yang Bijak</i>	Sosial	Kebijaksanaan Berfikir
18.	<i>Melor Dan Melah</i>	Sosial	Baik Hati
19.	<i>Harga Sepinggan Nasi</i>	Sosial	Baik Hati
20.	<i>Seri Menanti</i>	Sosial	Kesetiaan
21.	<i>Setiakawan</i>	Sosial	Persahabatan
22.	<i>Wak Sinong, Tukang Gasing</i>	Sosial	Murah Hati

23.	<i>Berkat Muafakat</i>	Sosial	Bermuafakat
24.	<i>Rajin Berusaha</i>	Sosial	Kerajinan
25.	<i>Bayan Dan Puteri Kayangan</i>	Sosial	Tolong-Menolong

#### Jadual 1.5 Senarai Tajuk Cerita, Sistem dan Unsur-Unsur Moral

Di samping itu, penyelidikan yang dijalankan akan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu, yang biasa digunakan dalam konteks tempatan. Teori Pengkaedahan Melayu telah diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Mengikut pendapat Mana Sikana (1991) teori ini menekankan kepentingan kreativiti, hasil sastera yang meluas dan ciri-ciri masyarakat Melayu. Pendekatan yang digunakan ternyata dipengaruhi oleh pandangan hidup, keyakinan dan prinsip yang mengatur kehidupan seseorang yang berteraskan kepada akidah Islam. Teori Pengkaedahan Melayu sejajar dengan idea mimesusu yang diperkenalkan oleh Plato. Teori ini yang dikemukakan oleh Hashim Awang (1989) mengandungi moral dan mencerminkan hasrat beliau yang bersungguh-sungguh dalam mengukuhkan perspektif Islam dalam bidang kritikan sastera. Hashim Awang (2002) telah mengklasifikasikan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu ini terbahagi kepada dua iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan.

Menerusi konteks ini, terdapat tiga kaedah yang berbeza untuk menggunakan Pengkaedahan Alamiah yang termasuk Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat. Pendekatan Gunaan ialah konsep yang merangkumi kehadiran entiti semula jadi yang menawarkan pelbagai kelebihan, pengetahuan, keupayaan dan aplikasi praktikal kepada individu atau kumpulan masyarakat. Konsep alam telah menjadi sumber inspirasi kreatif yang penting bagi banyak pengarang sastera. Untuk mencipta karya sastera yang berjaya yang menyampaikan idea dan falsafah yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat dengan berkesan, adalah penting untuk mewujudkan hubungan yang kukuh antara karya dan alam semula jadi. Ini menyerlahkan kepentingan hubungan antara manusia dan alam dalam penciptaan sastera yang bernilai dan menarik. Penegasan ini telah disokong oleh Hashim Awang

(2002). Pendekatan moral dalam sastera selalunya berbentuk peristiwa atau objek yang memberi pengajaran atau prinsip etika. Walau bagaimanapun, kejadian itu sendiri berfungsi sebagai asas untuk pendekatan moral. Ini mungkin tidak semestinya melibatkan objek fizikal atau peristiwa yang telah berlaku, sebaliknya konsep atau idea yang boleh membawa kesan positif dan negatif. Akhirnya, pendekatan moral dalam kesusasteraan adalah tentang meneroka hubungan kompleks antara tingkah laku manusia dan nilai etika.

Pengkaedahan Keagamaan terdiri daripada tiga pendekatan: Pendekatan Dakwah, Pendekatan Masyarakat dan Pendekatan Seni. Pendekatan Dakwah yang merupakan sebahagian daripada Pendekatan Dakwah melibatkan kesusasteraan yang mengetengahkan aspek emosi dan menjawab sebarang pertanyaan berhubung lafaz sifat dan kebesaran Allah S.W.T. Sastera Islam jenis ini, menurut Hashim Awang (2002) juga dilihat sebagai sarana untuk meningkatkan ketaqwaan seseorang individu kepada Allah S.W.T.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilaksanakan mempunyai kepentingan dan nilai tersendiri dalam bidang penyelidikan. Kepentingan kajian penyelidikan tidak boleh dipandang remeh kerana ia menyumbang kepada badan pengetahuan dan berfungsi sebagai rujukan untuk para penyelidikan masa hadapan.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa unsur moral kurang mendapat perhatian yang sewajarnya daripada para penyelidik. Kepentingan penyelidikan ini terletak pada objektifnya untuk mempamerkan unsur moral yang terdapat dalam cerita legenda. Pengkaji ingin menganalisis unsur moral yang terdapat dalam cerita legenda ini kerana segelintir masyarakat pada masa kini memandang remeh terhadap unsur moral ini. Walaupun cerita legenda ini cerita terdahulu namun intipati yang terdapat dalam teks ini sangat bermakna, yang boleh dijadikan sebagai teladan dalam kehidupan. Justeru itu, kajian ini berpotensi untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat dan meluaskan perspektif mereka bahawa unsur moral ini sangat penting dalam kehidupan sebagai seorang umat manusia.

Selain itu, bagi penggunaan teori dalam penyelidikan ini merupakan aspek penting dalam kajian ini. Teori pengkaedahan Melayu yang dicipta oleh Hashim Awang (1989) akan diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini. Teori Pengkaedahan Melayu berfungsi sebagai alat untuk mengkaji hasil penyelidikan yang berkaitan dengan unsur moral ini. Hal ini dapat membantu dalam memahami bagaimana unsur-unsur tersebut dapat dimanifestasikan dan difahami dalam cerita legenda. Penggunaan teori khusus ini amat penting dalam memastikan hasil dan penemuan penyelidikan yang dijalankan adalah teratur dan sesuai dengan objektif kajian. Di samping itu, dengan mengaplikasi teori ini diharap dapat meningkatkan status teori tempatan dengan mengangkat martabatnya agar setanding dengan teori yang berasal dari Barat. Hal ini demikian, kerana sesetengah pengkaji lebih menumpukan kepada penggunaan teori Barat berbanding

teori tempatan. Sehubungan dengan itu, mengharapkan bahawa penggunaan teori yang dibangunkan secara tempatan ini akan memberi kebaikan kepada penyelidik kerana ia boleh menjadi titik rujukan kepada penyelidikan tersebut.

Oleh itu, kepentingan kajian ini terletak pada potensinya untuk membantu penyelidik memahami Teori Pengkaedahan Melayu ini secara lebih komprehensif, sekali gus membolehkan pengkaji memanfaatkan faedahnya dan meluaskan penggunaan teori ini dalam perbahasan sastera. Kepentingan kajian ini diharapkan dapat memberikan kefahaman yang jelas tentang teori, membuka jalan kepada kajian lanjut dan penerokaan implikasinya dalam bidang kesusasteraan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.7 Definisi Operasional

Pada bahagian definisi operasional ini, penyelidik akan memberikan penjelasan yang menyeluruh tentang tiga aspek utama, iaitu cerita rakyat, unsur moral, dan teori Pengkaedahan Melayu, dengan menghuraikan secara menyeluruh sudut pandangan yang dikemukakan oleh pakar dalam bidang ini secara terperinci.

### 1.7.1 Cerita Rakyat

Cerita rakyat merupakan sebahagian daripada sastera rakyat yang telah disebarluaskan secara lisan merentasi beberapa generasi. Hasil kreatif komuniti petani bertujuan untuk memberikan bimbingan dan pendidikan formal kepada ahlinya di samping berfungsi sebagai sumber hiburan, seperti yang dinyatakan oleh Fatimah Md Yasin (1991). Ismail Hamid (1986) menegaskan bahawa cerita rakyat secara tradisinya disebarluaskan melalui komunikasi lisan, lazimnya daripada seseorang kepada orang lain, seperti bapa menyampaikan cerita kepada anaknya dan sebagainya. Mohd Taib Osman (1991) menegaskan bahawa cerita rakyat bukan dimiliki oleh mana-mana individu atau kumpulan, sebaliknya ia merupakan khazanah yang dimiliki oleh masyarakat keseluruhannya. Berdasarkan pengertian ini, cerita rakyat dianggap sebagai harta bersama dan wujud sebagai warisan kolektif. Perspektif Ismail Hamid (1986) ialah cerita rakyat mempunyai kualiti sejagat. Cerita legenda masyarakat Melayu mempunyai banyak persamaan dengan cerita legenda kumpulan etnik yang lain.

Selain itu, bagi definisi legenda pula adalah pada pendapat Hooykaas (1965) mendefinisikan legenda sebagai sejenis cerita rakyat yang mengisahkan peristiwa-peristiwa yang mempunyai kepentingan sejarah, yang dihiasi dengan unsur-unsur ajaib kerana kebolehan ghaib protagonis dalam cerita. Selain itu, William R. Bascom (1954) menyatakan bahawa legenda adalah cerita yang hampir menyerupai cerita mitos. Hal ini dianggap kerana, berdasarkan peristiwa sebenar dan sering dipercayai telah berlaku, tetapi ia tidak dianggap sebagai suci.

Ekoran daripada itu, dapat dirumuskan bahawa cerita rakyat ini merupakan hasil ciptaan masyarakat masyarakat Melayu dan dianggap sebagai milik bersama. Oleh hal demikian kerana, cerita rakyat ialah satu bentuk penceritaan yang selalunya tidak diketahui pengarangnya. Kisah-kisah ini diturunkan secara turun-temurun melalui tradisi lisan, kerana perkataan yang dituturkan digunakan sebagai alat utama untuk penyebarannya. Sehubungan itu, cerita rakyat ini mempunyai makna yang lebih mendalam di sebalik ceritanya. Tujuannya adalah untuk memberi tunjuk ajar, memberi kebijaksanaan dan mendidik pembaca tentang cara menjalani gaya hidup yang tenang dan seimbang. Jelaslah, bahawa mesej yang disampaikan melalui cerita rakyat memberi impak yang besar kepada pembaca dalam menyampaikan makna.

### 1.7.2 Unsur Moral

Moral merujuk kepada satu set prinsip atau doktrin yang menentukan mana yang betul atau salah sesuatu tindakan, sikap atau tingkah laku dinilai berdasarkan piawaian moral yang baik dan buruk. Manshuruddin (2003) mendefinisikan akhlak dalam Islam merangkumi aspek budi pekerti, akhlak, dan tingkah laku secara keseluruhan. Menurut Ghazali (2007) moral ialah konsep yang berakar umbi dalam perkataan Latin 'mores', yang bermaksud keadaan tindakan seseorang. Hal ini berkaitan dengan prinsip tingkah laku dan nilai yang mengawal tindakan manusia, sama ada pada peringkat individu atau dalam kumpulan. Istilah moral telah dibincangkan secara meluas oleh para sarjana dan ahli falsafah sepanjang sejarah, dengan definisi dan tafsiran yang berbeza-beza. Moral berkaitan dengan kelakuan, tingkah laku atau bahasa seseorang individu apabila terlibat dalam komunikasi atau pergaulan dengan manusia lain.

Oleh hal demikian, cerita rakyat ini menyediakan pelbagai pengajaran moral yang boleh diguna pakai dan masukkan ke dalam rutin dan tindakan sehari-hari sebagai cara pembangunan peribadi dan masyarakat. Cerita rakyat Melayu adalah sumber yang kaya dengan nilai moral yang tinggi, watak yang menarik dan naratif yang menjangkau

hiburan semata-mata. Cerita rakyat ini mempunyai tujuan yang lebih besar untuk menyampaikan pelajaran hidup yang penting dan kebijaksanaan kepada pembaca atau pendengar. Watak-watak dalam cerita rakyat adalah unik dan pelbagai, menambah kedalaman dan kerumitan cerita. Cerita rakyat merupakan khazanah warisan budaya yang boleh dihayati dan dipelajari oleh semua lapisan masyarakat.

### 1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu mula diperkenalkan oleh Hashim Awang (1994), beliau merupakan seorang sarjana dan pengkritik yang sangat disegani di negara Malaysia. Pada tahun 1989, satu teori telah diperkenalkan yang berpusat pada tanggapan bahawa semua aspek kehidupan manusia, seperti tingkah laku, kepercayaan dan adat setempat masyarakat Melayu, saling berkaitan dan dicerminkan dalam cara hidup masyarakat setempat. Menurut Muhammad Haji Salleh, berpandangan bahawa daya tarikan estetik sesuatu bahasa secara beransur-ansur terungkap melalui pengaruh luar dan teori pengkaedahan Melayu yang mengalami perkembangan dan transformasi. Teori ini berpendapat bahawa alam semula jadi adalah aspek integral dalam kehidupan manusia dan berkait rapat dengannya. Menurut Mana Sikana (1991) berpendapat bahawa teori merupakan ciri budi pekerti yang melekat pada orang Melayu dan merupakan hasil daripada sumbangan sastera secara meluas yang mempunyai nilai yang tinggi. Teori Pengkaedahan Melayu dibahagi kepada dua bahagian iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan.

Secara umumnya mengetahui bahawa Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat ini adalah di bawah kategori Pengkaedahan Alamiah manakala bagi Pengkaedahan Keagamaan pula ialah Pendekatan Dakwah, Pendekatan Seni dan Pendekatan Kemasyarakatan. Selain itu, teori-teori yang dibincangkan adalah saling berkaitan atau mempunyai beberapa bentuk perkaitan antara satu sama lain. Oleh hal demikian, dapat disimpulkan bahawa, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah menyumbang secara signifikan kepada penjanaan kandungan pendidikan yang

komprehensif, memudahkan penyelidikan yang bernilai dan meningkatkan hasil keseluruhan yang dicapai oleh penyelidik.

Secara ringkasnya, Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang (1989) merangkumi dua pengkaedahan berbeza yang dikenali sebagai Pengkaedahan Alamiah dan Pendekatan Keagamaan. Berdasarkan perspektif sarjana di atas dapat disimpulkan bahawa teori ini berpotensi untuk dijadikan sebagai unsur padu dalam meningkatkan mutu karya sastera. Berdasarkan kajian ini, pengkaji juga akan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu kerana mempunyai perkaitan yang kukuh dengan perkara yang dikaji. Teori ini berfungsi sebagai rangka kerja untuk menganalisis dan mentafsir dapatan kajian.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.8 Organisasi Kajian

Susunan analisis terdiri daripada versi ringkas kajian yang dijalankan dalam setiap bahagian. Ini bermakna organisasi kajian memberikan gambaran ringkas tentang penyelidikan yang dijalankan dalam setiap bab.

### Bab Satu

Bahagian ini berfungsi sebagai pengenalan awal. Elemen yang akan diterokai dan diuraikan dalam perbincangan ini merangkumi beberapa komponen utama seperti pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, organisasi dan penutup. Setiap aspek ini memainkan peranan penting dalam pemahaman dan pelaksanaan keseluruhan kajian, dan ia akan dibincangkan dengan panjang lebar untuk menyediakan analisis projek yang komprehensif dan terperinci.

### Bab Dua

Bagi kandungan ini berkenaan tentang sorotan kajian lepas. Bab kedua, projek penyelidikan ini akan melibatkan menganalisis secara menyeluruh terhadap sorotan kajian lepas yang telah disediakan oleh sarjana pada masa lalu. Tujuan proses ini adalah untuk menentukan sama ada sarjana terdahulu telah menjalankan penyelidikan berkaitan unsur moral atau jika kajian semasa telah dijalankan sebelum ini berkaitan dengan elemen ini. Tambahan pula, pengkaji menggunakan kajian lepas ini sebagai titik rujukan untuk memudahkan pemahaman terhadap kajian unsur moral yang ingin dianalisis. Sehubungan itu, penyelidik telah memilih beberapa kajian lepas yang relevan atau berkaitan dengan tajuk yang memfokuskan kepada unsur moral dalam cerita legenda terpilih yang terdapat dalam buku cerita rakyat ini. Selepas itu, penyelidik akan membahagikan sorotan kajian terdahulu kepada dua kategori yang berbeza. Segmen yang pertama adalah berkaitan dengan kajian terhadap cerita rakyat Malaysia terkenal

manakala segmen kedua pula berkenaan kajian bagi Teori Pengkaedahan Melayu dalam karya sastera.

### Bab Tiga

Berdasarkan bab ketiga, akan dijelaskan berkaitan dengan metodologi kajian. Pengkaji telah mengenal pasti dan menetapkan pendekatan yang sesuai untuk dilaksanakan bagi memastikan kajian ini berjaya disiapkan. Pengkaji menghuraikan teknik yang digunakan dalam kajian yang merangkumi penggunaan sumber perpustakaan, analisis teks dan menggabungkan teori. Kepentingan metodologi dalam kajian ini terletak pada keupayaan untuk menyusun dan membentangkan dapatan secara sistematik.

### Bab Empat

Hashim Awang (1998) berpendapat bahawa keindahan adalah berakar umbi dalam tauhid dan penciptaan sastera adalah amalan yang dituntut dalam sistem kepercayaan ini. Beliau berpendapat bahawa kesusasteraan harus dibuat dengan cara yang teratur dan indah, dengan tumpuan kepada kualiti makna dan kebijaksanaan. Penekanan terhadap keindahan ini dapat diperhatikan dalam alam semula jadi, yang dicipta oleh Tuhan dan penuh dengan contoh-contoh kecemerlangan estetika. Menurut Hashim Awang (2002), adalah penting untuk mengkaji kesusasteraan Melayu menggunakan kaedah dan pendekatan yang khusus dengan ciri-cirinya yang unik. Kaedah-kaedah ini hendaklah berdasarkan sikap, kepercayaan dan amalan agama budaya Melayu, kerana ia dianggap paling berkesan dan bernilai. Dengan menggunakan kaedah dan pendekatan ini, para sarjana dapat mengenal pasti dengan tepat dan jelas ciri-ciri kesusasteraan Melayu yang tersendiri, di samping meningkatkan pemahaman mereka

tentangnya. Tuntasnya, pendekatan ini akan membantu memperkaya dan mengukuhkan pengajian kesusasteraan Melayu.

Berdasarkan teorinya, Hashim Awang (1998) secara khusus menumpukan aspek asas kewujudan masyarakat dalam budaya Melayu, menggabungkan kedua-dua Pendekatan Alamiah dan Pendekatan Keagamaan. Kajian unsur moral dalam cerita legenda boleh mendapat manfaat daripada meneroka pendekatan alternatif kepada teori Barat, yang mungkin tidak sesuai untuk menganalisis perkara ini. Ini kerana kerangka Barat dianggap asing kepada budaya dan tradisi tempatan yang menginformasikan identiti Melayu. Hubungan antara agama, budaya dan nilai yang berbeza dapat diwujudkan melalui hal ini. Teori Pengkaedahan Melayu telah dibangunkan dan diperhalusi selama hampir tiga dekad, dari 1989 hingga 2017, menunjukkan kebolehpercayaan dan konsistensinya melalui pelbagai penyelidikan dan kemajuan teori.

### 3.5 Kerangka Konseptual



Rajah 3.5 Kerangka Konseptual

### 3.6 Penutup

Bab ketiga ini penyelidik akan menerangkan secara meluas teknik dan prosedur yang digunakan untuk menjalankan kajian ini secara menyeluruh dan terperinci. Pemilihan dan pelaksanaan kaedah penyelidikan amat penting kerana ia menjamin bahawa penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik mematuhi pendekatan yang tersusun dan berkaedah. Ini penting untuk mengekalkan integriti dan kredibiliti penyelidikan yang dihasilkan. Pemilihan kaedah kajian memainkan peranan penting dalam memastikan semua maklumat yang dikumpul adalah relevan dengan topik kajian yang dipilih. Selain itu, menggunakan teori seperti Pengkaedahan Melayu dalam kajian deduktif dapat mengukuhkan analisis atau hujah yang dikemukakan. Pendekatan ini memberikan kestabilan dan kemantapan kepada hasil penyelidikan. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif seperti kepustakaan dan teks, bersama-sama dengan Teori Pengkaedahan Melayu untuk menyelami unsur-unsur moral yang terdapat dalam genre cerita rakyat.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Berikut daripada hasil proses menganalisis data-data dan penilaian menyeluruh terhadap data yang dikumpul dan diperoleh oleh pengkaji akan dibentangkan dan dijelaskan dalam bahagian ini. Pengkaji akan menghuraikan secara menyeluruh dan memberikan penjelasan secara terperinci tentang unsur-unsur moral cerita legenda terpilih yang terdapat dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang dikarang oleh Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah dan Fatimah Abdul Nasir. Analisis yang dijalankan berkait rapat dengan Teori Pengkaedahan Melayu bagi menjawab segala persoalan yang berkaitan dengan unsur-unsur moral dan seterusnya ia digunakan dalam analisis kajian bertujuan untuk menghuraikan dan menjelaskan dengan secara terperinci. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengumpul dan menyusun semua penemuan penyelidikan yang diperoleh untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dalam kajian ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 4.2 Politik

Politik berteraskan kepada ilmu pengetahuan, prinsip asas pemerintahan, ilmu sahsiah dan ilmu kenegaraan. Perkataan tatanegara merupakan istilah daripada perkataan politik. Perkataan tatanegara merupakan istilah daripada perkataan politik. Politik ialah satu disiplin yang meneroka dan mengatur pelbagai metodologi dan strategi yang penting untuk menubuhkan dan menstruktur rangka kerja masyarakat dalam sesebuah negara. Istilah politik berasal daripada perkataan Yunani iaitu polis yang diterjemahkan kepada Negara. Pada mulanya, ia merangkumi semua aspek yang berkaitan dengan negara atau badan pemerintah. Menurut Abdul Ghani Azmi (1999), politik digunakan sebagai kata nama untuk menunjukkan perbuatan memerintah dan kebijaksanaan dalam memerintah dan digabungkan dengan konatasi tambahan iaitu kemahiran atau keupayaan dalam memerintah. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), politik bermaksud segala yang berkaitan dengan politik adalah mengenai tadbir urus dalam sesebuah negara atau berhubungan dengan negara luar. Politik memainkan peranan penting dalam membentuk dan mengekalkan asas tadbir urus dalam sesebuah negara. Politik berkait rapat dengan pemerintahan dan rakyat kerana ia memainkan peranan penting dalam membentuk kerajaan melalui kuasa mengundi dalam membuat keputusan dasar. Definisi bagi perkataan politik ialah perhubungan di antara pemerintah dan rakyat dalam melaksanakan keputusan yang membawa kepada arah kebaikan bersama rakyat yang tinggal di sesuatu tempat itu. Kesimpulannya, politik berfungsi sebagai tunjang utama dalam pemerintahan sesebuah negara kerana ia membentuk struktur negara dan arah pembangunan serta ia memastikan kepentingan rakyat sentiasa diutamakan. Berdasarkan perspektif peribadi pengkaji, menyokong penyataan yang dinyatakan oleh sarjana-sarjana yang telah dinyatakan di atas. Daripada sudut pendapat pengkaji, dengan adanya institusi politik ini warganegara dapat menyatakan pendapat mereka melalui pilihan raya, perhimpunan awam dan cara-cara lain yang sah. Ini memberi mereka peluang untuk memilih wakil-wakil yang memahami dan

memperjuangkan kepentingan rakyat. Selain itu, politik juga membantu dalam membentuk undang-undang dan dasar-dasar yang memainkan peranan penting dalam menguruskan masyarakat. Walau bagaimanapun, penting untuk diingat bahawa politik yang baik dan beretika sangat penting untuk mencapai kebaikan rakyat. Penglibatan warganegara dan ketelusan dalam sistem politik membantu memastikan bahawa kuasa dan keputusan tidak disalahgunakan. Oleh itu, dengan memahami dan mengamalkan nilai-nilai demokrasi, politik dapat menjadi alat yang berkesan untuk mencapai keadilan, kesaksamaan dan kebahagian masyarakat.

#### 4.2.1 Unsur Moral Bekerjasama

Menurut perspektif, Hashim Musa (2008) menyatakan bahawa bekerjasama itu amat sebatи dalam kehidupan masyarakat Melayu dan ia telah dijunjung tinggi sebagai sifat yang dihormati sejak sekian lama. Menurut Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) kerjasama ialah tindakan yang dilakukan secara kolektif pada peringkat individu dalam kalangan masyarakat, negara dan komuniti dalam usaha melaksanakan sesuatu aktiviti kemasyarakatan yang dapat memberi manfaat dan kepentingan bersama. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), Kerjasama boleh disifatkan sebagai usaha bersama yang dilakukan oleh individu, masyarakat serta negara bertujuan untuk memenuhi tugas atau melibatkan diri dalam aktiviti yang secara langsung menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan masyarakat. Menurut Kamus Edisi Keempat (2017), kerjasama boleh ditakrifkan sebagai usaha bersama-sama atau saling membantu antara satu sama lain. Selain itu, bekerjasama juga membawa maksud mewujudkan rasa perpaduan dan bekerjasama di kalangan masyarakat melalui melaksanakan aktiviti seperti gotong-royong, kenduri kendara dan bersukan. Mengikut pendapat Junaini Kasdan (2020), kepimpinan digambarkan sebagai tenaga penggerak yang bukan sahaja memberi sokongan sewaktu menerima risiko tetapi juga menampilkan di barisan hadapan. Kepimpinan boleh digambarkan sebagai tindakan yang berpengaruh seperti kreativiti dan inovasi, menetapkan matlamat, serta menunjukkan rasa kemanusiaan dan

kepimpinan juga berkait rapat dengan unsur moral bekerjasama. Selain itu, memupuk kerjasama dengan pemimpin adalah satu usaha yang berpotensi besar dalam mengukuhkan ikatan dalam komuniti. Sebagai seorang pemimpin, adalah penting untuk menunjukkan sifat bekerjasama supaya rakyat dapat mengambilnya sebagai contoh. Hal ini kerana, sikap bekerjasama ini mampu membentuk satu dasar kepimpinan yang positif dan memperkuatkan hubungan antara pemimpin dan rakyat. Bagi pendapat pengkaji, unsur moral bekerjasama ini sangat penting untuk diterapkan dalam diri setiap lapisan masyarakat kerana ia berpotensi untuk meningkatkan dan mengeratkan hubungan antara pemerintah dan rakyat. Sepertinya, cerita legenda yang bertajuk *Kota Kulit Kerang* yang menunjukkan unsur moral bekerjasama antara pemerintah dan rakyat. Hal ini, jelas tergambar dalam petikan di bawah:

#### Petikan 1

“Tengku Syah Nobat ligat berfikir bagaimana hendak menentang kerajaan Beruas. Kemudian, Tengku Syah Nobat mendapat satu akal, baginda mengarahkan Datuk Bendahara agar menyuruh rakyat jelata membuat sebuah kota yang diperbuat daripada kerang. Datuk Bendahara pun sibuk menjalankan tugasnya, dia menyuruh rakyat jelata yang bekerja di laut agar menangkap kerang sebanyak mana yang mungkin rakyat jelata turut digalakkan untuk memakan kerang. Apabila sudah banyak kulit kerang dikumpulkan mereka pun mula membina benteng kulit kerang setinggi seorang lelaki dewasa”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 44)

Kisah ini mengisahkan tentang kerajaan Beruas yang kuat datang menyerang kerajaan Tengku Syah Nobat. Tengku Syah Nobat ligat berfikir untuk bagaimana hendak menentang kerajaan Beruas yang kuat itu. Kemudian Tengku Syah Nobat mendapat idea, baginda pun mengarahkan Datuk Bendahara agar menyuruh rakyat jelata untuk membuat sebuah kota yang diperbuat daripada kerang. Unsur moral bekerjasama ini dapat dilihat melalui sikap rakyat jelata dan Tengku Syah Nobat yang telah bergabung tenaga dalam membina sebuah kota yang terdiri daripada kulit kerang untuk dijadikan sebagai benteng pertahanan daripada kena serangan dari pihak kerajaan Beruas. Tugas-tugas tersebut telah dibahagikan kepada setiap orang seperti rakyat jelata yang bekerja di lautan ditugaskan untuk menangkap kerang manakala Datuk Bendahara pula

melaksanakan tugasnya. Seterusnya, mereka membina kubu tersebut dengan menggunakan kulit kerang setinggi-tinggi lelaki dewasa untuk menghalang kota mereka daripada terkena serangan pihak musuh di atas dasar bekerjasama yang erat antara pemimpin dan rakyat. Akhirnya mereka berjaya mengalahkan kerajaan Beruas tersebut.

Selain itu, unsur moral bekerjasama jelas tergambar dalam cerita legenda yang berjudul *Burung Rajawali Yang Ganas*. Oleh hal demikian, penduduk setempat bersama-sama Tuk Penghulu bekerjasama dalam menangani isu dimana kampung mereka diserang oleh burung rajawali yang ganas itu. Petikan di bawah menjelaskan unsur moral bekerjasama yang terdapat dalam teks tersebut:

#### Petikan 2

“Suatu hari, seorang anak yatim piatu iaitu, Nibong menemui tuk penghulu lalu berkata, “Tuk, saya ada cadangan kita bina sebuah patung burung rajawali betina yang besar dan juga anak panah yang besar dan panjang. Jika burung rajawali itu nampak patung burung rajawali betina itu, sudah tentu ia akan mendekatinya. Pada waktu itulah, kita beramai-ramai memanah burung rajawali itu dengan anak panah! “Bernas sungguh cadangamu itu, Nibong! Baiklah, aku akan kerahkan penduduk pulau membuat patung burung rajawali betina dan anak panah”, balas tuk penghulu”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 33)

Cerita ini menggambarkan tentang masyarakat yang berganding bahu dalam membantu Tuk Penghulu menghapuskan burung rajawali yang tidak henti-henti mengancam ke atas kampung mereka. Penduduk kampung itu memaparkan sikap kerjasama yang luar biasa, yang terbukti dalam usaha bersama mereka mencipta arca yang menggambarkan burung rajawali betina dan anak panah yang digunakan untuk memburu burung rajawali tersebut. Penduduk kampung tersebut bersama-sama memanah burung itu sehingga burung rajawali tersebut mati. Jumali Selamat (2001) menyatakan bahawa kerjasama melalui usaha bersama melibatkan kesediaan kolektif dalam memberi sokongan, berkongsi beban dan menjalankan tanggungjawab dengan bekerjasama secara harmoni dan memberikan bantuan antara satu sama lain yang semuanya dilakukan secara rela dan tanpa paksaan. Sifat kepimpinan yang dimiliki oleh Tuk Penghulu ini memainkan

peranan yang penting dalam membentuk penduduk kampung untuk bekerjasama antara satu sama lain. Tuk Penghulu bukan sahaja berperanan sebagai pemimpin malah berperanan sebagai pemangkin dan penyatuan bagi masyarakat setempat untuk saling bekerjasama antara satu sama lain tidak kira susah atau senang. Unsur moral bekerjasama ini merupakan aspek yang penting dalam membentuk kehidupan seseorang itu. Hal ini bukan sahaja mencerminkan nilai-nilai etika dan moral dalam masyarakat, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membina hubungan yang sihat antara masyarakat. Jika seseorang itu menjadikan unsur moral bekerjasama sebagai tonggak utama dalam kehidupan pasti kehidupannya akan harmoni dan sejahtera.

Justeru itu, unsur moral bekerjasama ini bertunjangkan kepada pendekatan kemasyarakatan. Hal ini kerana, pendekatan kemasyarakatan berperanan sebagai medium kesejahteraan hidup bermasyarakat, peneguhan keimanan dan ketakwaan yang membawa kepada arah kebaikan (Hashim Awang, 2002). Sebagai contohnya, kajian terhadap cerita legenda melalui unsur moral bekerjasama ini membuktikan bahawa pengarang menggambarkan betapa pentingnya setiap manusia untuk mengamalkan sikap bekerjasama ketika melakukan sesuatu perkara demi mewujudkan suasana yang harmoni dan aman-damai. Sesungguhnya, unsur moral bekerjasama ini mestilah diterapkan dalam kehidupan supaya dapat membentuk masyarakat yang suka bantu-membantu dan bersedia untuk bekerjasama dalam kalangan masyarakat.

#### 4.2.2 Unsur Moral Keberanian

Keberanian sering digambarkan sebagai sikap yang menggalakkan individu untuk berani terlibat dalam tindakan tanpa teragak-agak, walaupun berhadapan dengan keadaan berbahaya dan tidak menentu yang berpotensi membahayakan keselamatan diri (Aboebakar Atjeh 1988). Menurut pendapat, Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan (1992) keberanian boleh ditakrifkan sebagai keupayaan manusia untuk menghadapi dan mengatasi pelbagai rintangan dengan keyakinan yang tidak berbelah bahagi.

Keberanian adalah sifat penting yang harus ada dalam diri setiap orang namun sifat ini perlu dikawal untuk mengelakkan sebarang kemungkinan kemalangan atau kejadian yang tidak diingini berlaku. Menurut Mustafa Daud (1995), keberanian boleh ditakrifkan sebagai unsur kebenaran dalam pelbagai aspek seperti ekspresi lisan, tingkah laku, perlakuan dan keyakinan seseorang. Hashim Musa (2008) menegaskan bahawa keberanian ini adalah kekuatan, ketabahan, tidak gentar menghadapi rintangan dan teguh kepada prinsip dan mengambil tindakan yang sewajarnya, sentiasa mempertahankan hak dengan penuh bertanggungjawab. Keberanian ini dapat dijelaskan sebagai pengorbanan, tidak rasa gementar yang melingungi sifat tabah, cekal yang tidak pernah takut pada cabaran, keazaman yang tinggi dalam menegakkan kebenaran, di samping itu berani menanggung risiko untuk menghadapi dan mengatasi cabaran hidup yang merangkumi aspek tingkah laku, pertuturan dan keyakinan. Daripada sudut pandangan pengkaji, unsur moral keberanian ini memegang nilai yang signifikan dalam kalangan masyarakat, kerana ia memberi kuasa kepada individu untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan berani dan tanpa sebarang perasaan bimbang atau takut. Unsur moral keberanian jelas tergambar dalam cerita legenda yang bertajuk *Gergasang* seperti petikan di bawah:

### Petikan 3

“Pada zaman dahulu, seekor gergasi yang memakan penduduk kampung datang ke kampung Teluk Bayu. Orang-orang kampung ketakutan lalu lari menyembunyikan diri. Datuk penghulu meminta Petir dan kawan-kawannya menghapuskan gergasi itu. Petir, Guntur dan Taufan pun pergi ke rumah gergasi dengan membawa tali sebesar lengan, sisir besi dan seekor kura-kura abau yang sebesar bantal”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 160)

Fenomena yang berlaku dalam cerita *Gergasang* ini jelas mencerminkan unsur moral keberanian. Cerita ini mengisahkan tentang tiga sahabat yang diberi perintah oleh Datuk Penghulu untuk melawan gergasi yang telah membuat kekacauan di kampung mereka. Tanpa rasa ragu-ragu, ketiga sahabat ini patuh dan bersedia dalam melaksanakan perintah diberi dengan penuh keberanian. Dengan keberanian yang luar biasa yang

ditonjolkan oleh tiga sahabat ini yang tidak gentar dalam bertempur melawan gergasi yang kuat itu sehingga membawa kemenangan kepada mereka. Melalui cerita ini, tergambar dengan jelas bahawa dengan mempraktikkan sifat keberanian dalam kehidupan sehari-hari, seseorang itu dapat menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab. Selain itu, sifat kepimpinan juga terpancar secara jelas dalam cerita ini. Ketiga-tiga sahabat ini tidak hanya patuh pada perintah tetapi juga memberikan contoh keberanian dan tanggungjawab yang ada pada diri mereka. Oleh hal demikian, cerita Gergasang ini memberikan pengajaran yang mendalam tentang bertapa pentingnya mempunyai unsur moral keberanian dalam menghadapi rintangan hidup.

Hal ini selari dengan Teori Pengkaedahan Melayu yang bertunjangkan kepada pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral berperanan sebagai pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dihadapi oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberikan kesan yang baik atau buruk kepada manusia (Hashim Awang, 2002). Unsur moral keberanian ini mampu membentuk seseorang agar berani dalam melakukan apa-apa perkara tanpa rasa takut atau gementar. Setiap manusia yang berani mengambil risiko atau menghadapi cabaran akan memperoleh kejayaan dalam kehidupan. Jelaslah bahawa, keberanian ini hendaklah disertai dengan kebijaksanaan dan sifat keikhlasan agar hasrat yang ingin dicapai dapat dipenuhi.

#### 4.2.3 Unsur Moral Keadilan

Pengertian '*adl*', yang boleh diterjemahkan sebagai 'benar', sejajar dengan konsep keadilan dan kesaksamaan dan lebih tepat untuk menyatakannya adalah melalui istilah *istiqamah*, yang bermaksud lurus atau tegak (Majid Khadduri, 1999). Manakala menurut Zainal Abidin Borhan (2001), masyarakat Melayu haruslah menitikberatkan unsur moral keadilan dalam kehidupan mereka dan masyarakat Melayu yang berkualiti merupakan masyarakat yang mengamalkan sifat adil bukan sahaja dari aspek budi malah budi

bicaranya. Berdasarkan konteks ini jelas, menunjukkan bahawa unsur moral keadilan adalah tunjang kepada masyarakat Melayu sebagai nadi penggerak untuk memartabatkan kebudayaan Melayu di seantero dunia. Menurut pandangan, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) telah mentakrifkan keadilan sebagai tindakan, perkataan dan penilaian yang adil dan saksama. Mengikut perspektif pengkaji, unsur moral keadilan boleh disimpulkan sebagai manusia yang berkelakuan benar dalam mempamerkan prinsip yang tidak berat sebelah dan seimbang dalam perkataan dan tindakan mereka. Oleh itu, adalah penting bagi setiap lapisan masyarakat untuk menerapkan rasa keadilan kerana ia akhirnya menggalakkan kebaikan dan berkelakuan beretika. Unsur moral keadilan amat penting dalam menegakkan keamanan dan memupuk masyarakat yang harmoni. Apabila seseorang individu merasakan diri mereka dilayan secara saksama, mereka cenderung untuk terlibat dalam tindakan kerjasama, berinteraksi dengan baik dan memupuk hubungan mesra dengan masyarakat. Selain itu, keadilan bukan sahaja berfungsi untuk mencegah ketidakstabilan dan konflik politik tetapi juga bertindak sebagai penghalang terhadap timbulnya rasa tidak puas hati dan tidak adil. Oleh hal demikian, unsur moral keadilan adalah penting untuk diterapkan dalam semua aspek kehidupan, sistem perundangan, pendidikan dan sosial. Dengan itu, dapat melahirkan negara yang berteraskan keadilan. Unsur moral keadilan dapat dilihat menerusi cerita legenda yang bertajuk *Awang Selamat*. Petikan 4 jelas menunjukkan unsur moral tersebut:

#### Petikan 4

“Awang Hitam dibawa menghadap Puteri Saadong. Puteri Saadong sangat kecewa dengan perilaku Awang Hitam lalu bertitah, “Kamu didapati bersalah kerana mencuri dan memfitnah Awang Selamat. Beta beri kamu dua pilihan. Sama ada kamu keluar dari negeri ini dan jangan pulang lagi atau kamu tinggal di sini tetapi kamu mestilah meminta maaf kepada Awang Selamat dan membayar semula barang yang dicuri”. Awang Hitam sangat menyesal dengan perbuatannya. Ia tidak mahu keluar dari negeri. Ia pun meminta maaf kepada Awang Selamat dan membayar semula barang yang dicurinya”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 187)

Cerita ini menggambarkan tentang Awang Selamat dan Awang Hitam dahulunya bersahabat baik. Mereka merupakan hulubalang bagi Puteri Saadong tetapi Awang Hitam sangat pemalas dan Puteri Saadong tidak menyukai Awang Hitam lalu di perintahnya untuk keluar dari istana tersebut. Pada suatu hari, Awang Hitam telah menyebarkan fitnah bahawa Awang Selamat seorang yang jahat dan suka mencuri. Pada masa yang sama di tempat itu ada berlaku kes kecurian. Akan tetapi orang kampung tidak mempercayai Awang Selamat yang mencuri seperti yang dikatakan oleh Awang Hitam. Penduduk setempat telah bersepakat untuk menangkap pencuri tersebut ketika waktu malam. Pada suatu malam, ketika sedang berjaga-jaga orang kampung ternampak kelibat seseorang seperti pencuri lalu mereka menangkap. Rupa-rupanya pencuri tersebut adalah Awang Hitam. Lalu Awang Hitam telah dihadapkan di hadapan Puteri Saadong untuk diberikan hukuman yang setimpal kepada Awang Hitam. Oleh hal demikian, melalui cerita *Awang Selamat* ini terpancar unsur moral keadilan yang ada pada watak Puteri Saadong yang merupakan ketua pemerintah dalam kerajaannya. Hal ini dapat diperhatikan, di mana Puteri Saadong memaparkan kepimpinannya yang adil dan saksama ketika menghakimi kesalahan Awang hitam yang telah melakukan kecurian. Sehubungan dengan itu, sebagai seorang pemimpin adalah penting untuk mempunyai sifat yang adil dalam memerintah untuk memastikan kestabilan dan kedamaian dalam kerajaan yang dipimpin. Keadilan merupakan asas utama dalam penyelenggaraan pemerintahan yang memberikan hak dan perlindungan kepada semua rakyat. Dengan adanya, sifat yang adil seorang pemimpin dapat memastikan bahawa setiap individu akan dihormati dan diperlakukan dengan sewajarnya tanpa mengira latar belakang, keturunan serta kedudukan sosial.

Hal ini bertepatan dengan Teori Pengkaedahan Melayu yang berteraskan kepada pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral berperanan sebagai pendekatan yang berpaksikan pengalaman yang dilalui oleh setiap orang, setiap ilmu yang didapati oleh setiap orang dalam kehidupan mereka (Hashim Awang, 2002). Sesungguhnya,

unsur moral bekerjasama yang dimiliki oleh setiap orang adalah berkait rapat dengan peristiwa , maklumat dan persekitaran yang dilalui olehnya untuk melakukan sesuatu keputusan dengan adil dan saksama supaya memperoleh manfaat untuk diri sendiri dan orang lain. Berdasarkan konteks ini, jelas terbukti bahawa setiap manusia mestilah mempunyai sifat adil dalam melakukan sesuatu tindakan dan membuat keputusan untuk menjaga kesejahteraan diri dan orang lain. Oleh hal demikian, unsur moral keadilan merupakan sifat yang diamalkan oleh golongan pemerintah demi memartabatkan kerajaan yang dipimpin.



#### 4.3 Keagamaan

Menurut Tylor (1874), agama adalah sebagai kepercayaan kepada entiti rohani sementara yang lain melihatnya sebagai magik, agama dan sains. Selain itu, agama sering dianggap sebagai sistem kepercayaan yang saling berkaitan dengan objek atau idea yang dianggap suci. Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Kamus Dewan (2010), agama boleh ditakrifkan sebagai kepercayaan dan ketakwaan kepada Tuhan, mengakui sifat-sifat tertinggi, kewibawaan dan ajarannya. Agama mempunyai kepentingan yang sangat besar dalam kehidupan manusia yang dikenali sebagai *homo religious* (Shah & Friedmana, 2018). Istilah dalam bahasa Arab untuk agama ialah al-Din manakala dalam bahasa Inggeris ia disebut sebagai *religion*. Agama juga boleh ditakrifkan sebagai keimanan, kepercayaan, ajaran dan amalan yang dihidupkan oleh umat Islam (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 2019).

##### 4.3.1 Unsur Moral Ketaatan

Menurut Kamus Dewan (2007) ketaatan adalah yang sentiasa memerlukan ketaatan kepada perintah atau arahan yang diberikan. Menurut pandangan Azhariah Abdul Kadir (2010), taat dari segi sudut pandangan Islam adalah mengenai kesungguhan dan kepatuhan jiwa terhadap agama. Manakala menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), telah menyatakan bahawa taat kepada golongan yang lebih agung seperti para pemimpin, ibu bapa dan agama Islam adalah kewajiban dalam kehidupan. Di samping itu, taat kepada ibu bapa juga merupakan aspek penting dalam ajaran Islam kerana ia menekankan tanggungjawab yang dipikul oleh seorang anak untuk mematuhi bimbingan dan arahan ibu bapa. Walau bagaimanapun, taat kepada ibu bapa bukan bermaksud menurut arahan yang salah. Jika ibu bapa meminta anak-anak untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan unsur moral atau undang-undang, anak-anak mempunyai hak untuk memberi pandangan dan mempertimbangkan kesannya. Pengkaji berpendapat bahawa dengan menanamkan unsur moral ketaatan dalam kehidupan ia dapat membangunkan nilai kemanusiaan dalam masyarakat. Pada yang sama, dengan

memupuk unsur moral ketaatan ini dalam hati nurani manusia, kita boleh berusaha ke arah masyarakat yang harmoni dan bebas daripada konflik. Unsur moral ketaatan ini jelas tergambar dalam cerita legenda terpilih yang berjudul *Anak Yang Patuh*. Di bawah berikut adalah petikan 5 yang memperlihatkan unsur moral tersebut:

#### Petikan 5

“Jasa seorang budak lelaki yang baik, rajin serta patuh kepada ibu bapanya. Jasa amat disayangi oleh ibu bapanya. Namun, pada suatu hari bapa Jasa meninggal dunia. Jasa pun tinggalah bersama dengan ibunya sebatang kara. Beberapa hari selepas itu, berlakunya sesebuah perang. Jasa dan ibunya terpaksa lari bersembunyi melarikan diri mereka. Setibanya Jasa di dalam hutan, dia terlihat sebatang pokok yang banyak buahnya. Jasa berasa sangat teruja lalu terus memanjat pokok itu dan memetik buahnya. Setelah memetik buahnya, Jasa mengasingkan buah yang masak dan buah yang masih muda”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 24)

Cerita ini mengisahkan tentang Jasa seorang budak yang baik, rajin dan sentiasa taat kepada ibu bapanya. Jasa amat disayangi oleh kedua ibu bapanya. Pada suatu hari, bapa Jasa telah meninggal dunia dan Jasa pun tinggal bersama ibunya sebatang kara. Selepas kematian bapanya, berlaku sesebuah perang di kawasannya dan Jasa bersama ibunya larikan diri untuk menyelamatkan nyawa mereka daripada terancam. Sewaktu di hutan, Jasa terlihat sebatang pokok yang mempunyai banyak buah, lalu dia memetik buah-buah tersebut dan asingkan buah yang masak dan muda. Buah yang masak itu akan diberikan kepada ibunya manakala yang muda untuk dirinya. Ketika dalam perjalanan pulang, Jasa telah ditahan oleh perompak. Perompak tersebut telah menanya Jasa apa yang dibawa olehnya lalu Jasa menjawab bahawa dia membawa buah untuk ibunya. Lalu, dengan melihat sifat ketaatan Jasa lalu perompak tersebut melepaskan Jasa dan berasa keinsafan. Oleh hal demikian, cerita legenda yang bertajuk *Anak Yang Patuh* ini jelas menunjukkan unsur moral ketaatan yang ditunjukkan oleh watak Jasa. Sebagai seorang anak, kewajipan kita untuk taat kepada ibu bapa. Ibu bapa adalah orang yang telah menjaga dan memelihara kita sejak kecil sehingga tumbuh dewasa. Mereka juga telah memberikan kasih sayang, mendidik dan memberikan nasihat untuk membentuk kita menjadi manusia yang berakhhlak baik. Oleh hal demikian,

sebagai seorang anak mestilah menghormati mereka dan mematuhi nasihat serta arahan yang diberikan oleh mereka.

Rentetan daripada itu, unsur moral ketaatan bertunjangkan pendekatan dakwah. Hal ini kerana pendekatan dakwah berperanan sebagai persoalan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam yang daripadanya dapat menimbulkan rasa menghormati terhadap kesucian agama Islam, baik daripada orang Islam mahupun orang bukan Islam (Hashim Awang, 2002). Ketaatan ini menunjukkan kepada sifat taat dan patuh yang bukan sahaja ditunjukkan kepada ibu bapa tetapi juga kepada Allah SWT. Ketaatan kepada ibu bapa ini merupakan kewajipan yang dituntut oleh setiap anak-anak untuk mentaati ibu bapa dan taat kepada Allah pula mentaati segala perintah yang disuruhnya. Selain itu, unsur moral ketaatan ini juga merupakan satu sifat yang mulia disisi Allah SWT.

#### 4.3.2 Unsur Moral Bersyukur

Menurut Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2013), bersyukur membawa maksud sebagai keikhlasan manusia dalam menghargai dan menyanjung tinggi terhadap sumbangan, pemberian dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh seseorang dalam usaha memberi pertolongan kepada diri mereka. Menurut Choirul Mahfud (2014) pula, menzahirkan rasa syukur ini merupakan tanda terima kasih manusia kepada Allah SWT sesuai dengan kehendak dan kewajipan yang telah ditetapkan ke atas manusia. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), bersyukur boleh ditakrifkan sebagai perasaan yang sentiasa rasa cukup dengan apa yang ada dan sentiasa bersederhana dalam melalui liku-liku kehidupan serta sentiasa menzahirkan rasa terima kasih kepada orang lain dan Allah SWT di atas setiap rezeki dan bantuan yang dianugerahkan kepada hambanya. Pengkaji berpendapat bahawa, memiliki unsur moral bersyukur ini dapat membantu seseorang itu berasa sentiasa puas dengan apa yang dimilikinya. Apabila seseorang itu mempunyai sifat bersyukur, mereka cenderung melihat segala kebaikan dan nikmat yang telah

diberikan dalam hidup mereka, walaupun mungkin tidak mencapai segala yang diidamkan. Berdasarkan konteks kajian ini, menzahirkan rasa syukur dalam kalangan masyarakat mestilah ditegaskan supaya unsur moral ini dapat diterapkan dalam komuniti agar dapat memupuk masyarakat yang prihatin dan mengutamakan moral dalam kehidupan. Cerita legenda terpilih yang bertajuk *Kaca Bertukar Emas* menggambarkan unsur moral bersyukur. Hal ini dapat dilihat pada petikan 6 dibawah:

#### Petikan 6

“Dia berdoa dengan kuat selama tiga malam berturut-turut. Jirannya, yang merupakan seorang yang kaya tidak dapat tidur dengan lena lalu mengumpulkan botol-botol kaca di dalam sebuah guni dan mencampakkannya ke dalam pondok wanita tua itu. Apabila wanita tua itu membuka guni itu, alangkah terkejutnya dia apabila mendapat wang emas bertimbun-timbun di dalamnya. Wanita tua itu mengucapkan syukur”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 96)

Cerita ini mengisahkan seorang wanita tua yang kerjanya mencari kayu api. Pada suatu hari, kampungnya telah dilanda kemarau yang menyebabkan wanita tua itu tidak berdaya untuk mencari kayu api. Wanita tua itu pun ke sungai untuk menangkap ikan kerana lapar dan dahaga. Sewaktu ingin menangkap ikan wanita tua itu terfikir nanti sengsara ikan-ikan ini sama seperti dirinya. Wanita tua itu berdoa supaya mendapat rezeki lain dan Allah telah mendengarkan doanya dan memberi wang emas kepadanya lalu wanita tua itu bersyukur diatas rezeki yang telah diberikan oleh Allah kepadanya. Cerita legenda ini jelas menyampaikan unsur moral yang menjadi pengajaran bagi umat Islam untuk sentiasa menzahirkan rasa syukur diatas rezeki yang dikurniakan. Justeru, unsur moral bersyukur yang disampaikan dalam cerita legenda ini memberi dorongan kepada masyarakat dan berperanan sebagai pembangunan moral dalam kalangan masyarakat.

Justeru itu, cerita legenda terpilih ini berkait rapat dengan pendekatan dakwah. Hal ini kerana, pendekatan dakwah berfungsi sebagai cara untuk mendorong refleksi tentang kemurniaan dan keaslian agama Islam, seterusnya memupuk kekaguman yang mendalam terhadap kesucian agama Islam mahupun penganut agama lain (Hashim

Awang,2002). Lantaran itu, pengaplikasian pendekatan dakwah menerusi unsur moral bersyukur ini dapat membuktikan bahawa ianya menyentuh segala persoalan dan amanat berkaitan dengan penonjolan kebesaran Allah SWT. dalam agama Islam melalui ucapan syukur atas kurniaan dan pemberian kepada hamba-Nya. Berdasarkan itu, sastera sewajarnya dijadikan sebagai ‘kitab’ kepada khalayak atau para pembaca untuk mengetahui lebih mendalam dan rasa khusyuk terhadap sifat dan zat Allah SWT. sehingga menimbulkan rasa kecintaan dan rasa hormat dalam kalangan umat manusia yang lebih besar dan murni terhadap Allah SWT. Jelaslah bahawa, pengungkapan syukur ini memperlihatkan kemuliaan sikap manusia yang bersyukur atas segala pemberian dan kurniaan yang dikurniakan oleh Allah kepada hamba-Nya.

#### 4.3.3 Unsur Moral Kejujuran

Menurut Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan (1992), kejujuran membawa makna sebagai sikap dan tindakan yang mencerminkan niat baik, ikhlas dan amanah tanpa sebarang motif tersembunyi atau mengharapkan balasan. Bagi istilah yang lebih mudah, ia merujuk kepada ikhlas dan jujur dalam berkata-kata dan dalam tindakan seseorang serta mengekalkan rasa integriti dan ketelusan. Menurut perspektif, Aboebakar Atjeh (1998), kejujuran mempunyai nilai yang sangat besar kerana ia merangkumi sifat benar dalam kehidupan dan berkeupayaan untuk dipercayai. Menurut Hashim Musa (2008), kejujuran adalah sifat tulus, berterus-terang dan tulus dalam perkataan serta perbuatan. Bagi pendapat Mohd Adib Abd Rahman (2010), kejujuran ditakrifkan sebagai perbuatan bercakap dan bertingkah laku yang selari dengan keyakinan batinnya asalkan ia tetap mengikut prinsip-prinsip syariah. Ini bermakna seseorang itu hendaklah sentiasa berusaha untuk menyatakan diri secara jujur tanpa tergelincir daripada jalan yang lurus yang telah digariskan oleh syarak. Menurut perspektif pengkaji, adalah penting bagi setiap individu untuk memiliki unsur moral kejujuran dalam diri mereka, kerana sifat ini berfungsi sebagai representasi watak dan identiti sebenar mereka. Unsur moral

kejujuran ini boleh dilihat dalam cerita legenda terpilih yang bertajuk *Penjual Kayu Api*.

Di bawah berikut adalah petikan 7 yang memperlihatkan unsur moral tersebut:

Petikan 7

“Kamu telah menunaikan janji. Aku amat perlukan kayu api dan anakku sedang sakit. Tetapi aku kehilangan uncangku yang berisi wang”, kata saudagar itu. “Saya jumpa uncang wang ini dan saya pasti ia milik tuan”, kata Jafur. Saudagar itu terpegun dengan sikap mulia Jafur lalu mengajak Jafur kerja bersamanya. Jafur gembira dengan tawaran itu”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 99)

Cerita ini menggambarkan, seorang pemuda yang kerjanya menjual kayu api dan pemuda tersebut merupakan anak yatim piatu. Walaupun pemuda itu, seorang yang susah tetapi pemuda tersebut tidak mengambil barang hak orang lain walaupun ada suara yang berbisik menyuruh Jafur mengambil wang tersebut. Pemuda itu telah memulangkan uncang berisi wang kepada pemilik asalnya kerana Jafur berasa serba salah untuk mengambil hak orang lain dan mencuri itu adalah satu dosa. Oleh kerana kejujuran yang ada pada pemuda tersebut, pemilik uncang itu telah menawarkan pekerjaan kepada pemuda itu kerana kejujuran yang dimilikinya. Oleh hal demikian, kejujuran merupakan satu sifat yang sangat penting untuk diterapkan dalam kehidupan kerana sifat kejujuran ini mencerminkan integriti dan moral seseorang. Apabila seseorang itu jujur maka ia menunjukkan bahawa dirinya boleh dipercayai. Selain itu, kejujuran mempunyai kepentingan yang sangat besar dalam memupuk hubungan antara manusia yang positif.

Memetik wasitah nirmala seterusnya, unsur moral kejujuran ini jelas tergambar di dalam cerita legenda terpilih yang bertajuk *Bersikap Jujur*. Cerita ini mengisahkan tentang Camba seorang yang miskin dan tinggal bersama ibunya. Oleh kerana kemiskinan Camba, jiranya Kamit selalu kenakan Camba. Namun begitu, Camba merupakan seorang yang jujur dalam berkata-kata. Hal ini jelas tergambar pada petikan 8 di bawah:

Petikan 8

“Suatu hari, jiran Si Camba iaitu Kamit mahu mengenakannya. Kamit memberi sebuah karung berisi kala jengking kepada si Camba lalu berkata, “Camba, ibuku

meminta aku menyerahkan karung emas ini kepada ibumu". "Benarkah ini emas? Terima kasih Kamit!" ucap si Camba kegirangan. Si Camba segera pulang ke rumah lalu menyerahkan karung itu lalu bertanya "Berat sungguh karung ini. Apakah isi dalamnya, Camba?" "Emas ibu" balas Camba. Ibunya ragu-ragu lalu membuka karung tersebut. Alangkah terkejut ia apabila melihat banyak emas di dalamnya. "Adakah benar Kamit yang berikan?" soal ibunya tidak percaya. "Ya, ibu. Saya tidak berbohong," balas si Camba".

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 39)

Cerita ini mengisahkan tentang Camba yang merupakan seorang lelaki yang tidak pernah berbohong dalam berkata-kata. Walaupun ditipu oleh Kamit, Camba tetap memberikan jawapan yang sama, walaupun dia tidak tahu apa yang ada dalam kalung itu. Kejujuran seseorang itu mencerminkan siapa diri mereka yang sebenar. Berdasarkan cerita legenda ini, adalah penting bagi seorang masyarakat untuk menerapkan unsur moral kejujuran di dalam diri mereka untuk memastikan kehidupan sentiasa dirahmati oleh Allah SWT. Apabila unsur moral kejujuran ini disepakati ke dalam kehidupan seharian dan menjadi asas watak, ia berpotensi untuk memupuk generasi masa depan untuk menjunjung integriti dan berkata benar dalam perkataan mereka tetapi juga dalam tindakan dan interaksi mereka dengan orang lain.

Rentetan daripada itu, unsur moral kejujuran berteraskan kepada pendekatan dakwah. Hal ini kerana, pendekatan dakwah berperanan sebagai persoalan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam yang daripadanya menimbulkan rasa menghormati terhadap kesucian agama Islam, baik daripada Islam ataupun bukan Islam (Hashim Awang, 2002). Contohnya, kajian terhadap cerita legenda melalui unsur moral kejujuran ini menunjukkan bahawa watak dalam cerita itu menggambarkan manusia yang tidak menipu dalam berbicara. Hal ini jelaslah bahawa, setiap mukmin mestilah mempunyai unsur moral kejujuran dalam diri, masyarakat, keluarga, negara dan agama untuk memperoleh kebahagiaan dan kejayaan.

#### 4.3.4 Unsur Moral Merendah Diri

Achmad D. Marimba (1981), menyatakan bahawa merendah diri dapat dikesan kembali kepada etimologinya yang berasal dari istilah “tawadhu” yang membawa makna kepada kerendahan hati terhadap sesuatu yang diagungkan. Merendah diri membawa maksud mempunyai hati yang tidak sompong, menunjukkan kebaikan yang ikhlas terhadap orang lain tanpa merendah-rendahkan atau mengenepikan mereka sebagai tidak penting atau tidak layak. Menurut Kamus Dewan (2007), merendah diri membawa makna mempunyai sifat baik hati dan belas yang tidak mempunyai keangkuhan atau penghinaan terhadap mana-mana makhluk. Selain itu, seperti yang dinyatakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), merendah diri mempunyai kepentingan yang sangat besar kerana ia menanamkan unsur moral dalam diri manusia untuk menjalani gaya hidup yang sederhana dan bersahaja, seterusnya memupuk masyarakat harmoni yang menjunjung rasa hormat antara satu sama lain dan menunjukkan tingkah laku yang baik. Berdasarkan makna yang dinyatakan oleh Ahli sarjana, rendah diri ini merupakan sifat yang tidak sompong dan tidak menunjukkan keangkuhan dalam pergaulan dengan orang lain. Oleh hal demikian dalam skop kajian ini, kerendahan hati boleh ditakrifkan sebagai tingkah laku yang meletakkan kepentingan kepada orang sekeliling dan memuliakan orang lain supaya dapat memupuk dan membangunkan sahsiah moral dalam diri. Manakala, menurut pengkaji merendah diri memainkan peranan penting dalam hubungan antara manusia kerana individu yang mempunyai kerendahan diri lebih cenderung untuk bekerjasama, mendengar pandangan orang lain dan menerima kritikan secara positif. Oleh hal demikian, ia dapat membantu dalam proses pembelajaran dan pertumbuhan peribadi. Seseorang yang merendah diri mungkin lebih mencapai kejayaan kerana mereka bersedia untuk belajar daripada kesilapan dan meningkatkan diri. Unsur moral yang seterusnya adalah unsur moral merendah diri yang terdapat dalam cerita legenda yang bertajuk *Tukang Besi Dan Tukang Kayu*. Di bawah berikut adalah petikan 9 yang memperlihatkan unsur moral tersebut:

### Petikan 9

“Di kampung itu,mereka berjiran dengan seorang kaya yang angkuh. Orang kaya ini tidak mempedulikan jiranya. Pada suatu hari, orang kaya itu memanggil tukang besi dan tukang kayu. “Kamu berdua mesti pindah dari sini. Kerja yang kamu lakukan terlalu bising dan saya tidak menyukainya”, kata orang kaya itu”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 70)

Cerita ini jelas menggambarkan sifat orang kaya yang bongkak kerana orang kaya itu tidak menyukai pekerjaan jirannya yang bekerja sebagai tukang besi dan tukang kayu akan tetapi tukang besi dan tukang kayu masih merendahkan diri mereka terhadap orang kaya tersebut, di atas dasar hormat-menghormati. Tambahan pula, orang kaya itu beranggapan aktiviti tukang kayu dan tukang besi itu mengganggu ketenteraman persekitaran kerana mendatangkan bunyi yang bising. Oleh kerana, keangkuhan orang kaya tersebut dia membuat keputusan untuk mengusir tukang kayu dan tukang besi itu dari kediaman mereka sendiri. Unsur moral merendah diri ini jelas terpancar daripada watak tukang kayu dan tukang besi. Cerita legenda ini, menjelaskan sikap bongkak orang kaya yang membuat pilihan yang tidak berperikemanusiaan semata-mata untuk kepentingan peribadi sendiri. Seterusnya, cerita legenda ini menunjukkan kepentingan dalam mewujudkan sifat merendah diri dalam berinteraksi dan perhubungan antara masyarakat, tanpa mengira status sosial atau darjat. Penggarapan cerita legenda ini telah berkesan memberi perhatian kepada unsur moral merendah diri sebagai unsur moral kepada orang ramai. Menurut Hashim Musa (2008), berpandangan bahawa individu yang memiliki unsur moral merendah diri akan sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan pertimbangan manusia lain dalam konteks hubungan sesama manusia. Di samping itu, individu yang sentiasa memupuk sifat kerendahan diri ia melambangkan keimanan kerana sentiasa mengakui bahawa segala rezeki yang diterima adalah kurniaan yang diberikan oleh Allah SWT (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Oleh hal demikian, manusia yang menerapkan sifat rendah diri akan sentiasa mendapat berkat dari Allah sepanjang kehidupan kerana mempunyai sifat merendah diri

dalam pergaulan sesama manusia, secara tidak langsung mengakui dan mengiktirafkan Allah sebagai Tuhan yang Maha Berkuasa dan Agung.

Sehubungan dengan itu, secara rumusannya membuktikan bahawa unsur moral rendah diri menerusi cerita legenda di atas, bertunjangkan kepada pendekatan dakwah yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini kerana, merendah diri merupakan perbuatan baik yang dapat meningkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Oleh itu, berdasarkan pendekatan dakwah adalah selari dengan unsur moral rendah diri kerana pendekatan dakwah ini merupakan satu wadah yang mampu meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Lantaran itu, hal ini selari dengan unsur moral rendah diri, sastera sewajarnya mempunyai tanggapan kudus seterusnya persoalan-persoalan yang menampilkan tentang sifat kemuliaan dan keagungan kepada Allah SWT.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.4 Sosial

Menurut Kamus Dewan (2005), sosial adalah saling berkaitan dengan masyarakat dan kemasyarakatan yang menunjukkan sifatnya yang menyeluruh. Sosial juga bermaksud suka mengambil tahu tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan masyarakat, bercampur sesama masyarakat dan saling bermesra antara satu sama lain. Sosial juga dikaitkan dengan persahabatan, membentuk hubungan dan melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi. Menurut Abdurrahman (2014), Ibnu Khaldun menyatakan bahawa istilah sosial menjadi lebih ketara apabila ia berkaitan dengan manusia. Pada erti lain, ia membantu dalam memahami bagaimana tingkah laku atau sikap yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pengalaman. Tambahan pula, ia juga merangkumi tingkah laku individu, sama ada ia disengajakan atau tidak disengajakan, kerana ia memainkan peranan penting dalam membentuk tindakan dan niat seseorang. Cendekiawan Islam iaitu Ibnu Khaldun telah membahaskan tentang sosial yang merupakan sebagai aktiviti manusia dalam kehidupan masyarakat (Aimi & Nurliana, 2020). Pengkaji berpendapat bahawa, sosial ini merupakan ikatan yang mampu mengeratkan hubungan antara manusia dan sosial juga merupakan sebuah kehidupan yang berkumpulan dan berinteraksi antara satu sama lain. Secara keseluruhannya, sosial merupakan sebuah aspek yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia kerana ia menciptakan sebuah ikatan yang mengeratkan hubungan, membentuk identiti serta menyokong kesejahteraan masyarakat dan membina masyarakat yang berkembang.

##### 4.4.1 Unsur Moral Kasih Sayang

Menurut pandangan Muhammad Al-Ghazali (1984), menjelaskan bahawa kasih sayang adalah kekuatan yang merangkumi intipati kebajikan yang mempunyai keupayaan untuk mengubah dan melembutkan hati, membawa kepada belas kasihan terhadap semua makhluk yang mendiami dunia ini. Menurut, Norita Arifin (2006), kasih sayang boleh ditakrifkan sebagai satu perasaan yang lembut dan empati yang mendalam yang muncul daripada hubungan yang murni dan ikhlas terhadap orang lain. Manakala, menurut

Hashim Musa (2008), menyifatkan kasih sayang sebagai satu emosi yang mendalam yang terbit daripada lubuk hati seseorang. Perasaan yang tulus dan tidak mementingkan diri sendiri yang menjadikan seseorang individu itu berusaha keras untuk melindungi, menyokong dan membawa kegembiraan kepada orang yang mereka sayangi, tanpa mengharapkan balasan. Pengabadian yang tidak berbelah bahagi dan kesanggupan berkorban demi kebahagiaan orang lain yang benar-benar mencontohi hakikat kasih sayang. Di samping itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) kasih sayang adalah perasaan yang mendalam dan lembut yang berasal dari hati seseorang itu yang merangkumi rasa kasih sayang dan penjagaan mendalam yang tidak mengenal batas dan tidak didorong oleh apa-apa jenis paksaan atau tekanan. Pengkaji juga berpandangan bahawa, kasih sayang ini merupakan satu perasaan yang wujud daripada lubuk hati yang sukar untuk diungkapkan melalui kata-kata tetapi ia mudah dirasai melalui perbuatan. Kasih sayang merupakan satu elemen perasaan yang mendalam, murni dan lahir daripada inti keinsanan serta keinginan untuk memberi dan menerima kasih sayang tersebut. Oleh hal demikian, unsur kasih sayang boleh dilihat berdasarkan cerita legenda yang terpilih yang bertajuk *Puteri Pucuk Kelumpang*. Di bawah berikut adalah petikan 10 yang memperlihatkan unsur moral tersebut:

#### Petikan 10

“Tidak lama kemudian, isterinya pun melahirkan seorang anak perempuan. Anak itu diberi nama Puteri dan dipelihara dengan penuh kasih sayang. Suatu hari, dikhabarkan Sampar akan pulang daripada berdagang. Isterinya menjadi bimbang dan tidak sanggup membuang anaknya. Tiong mencadangkan supaya anak itu disorokkan di atas pokok kelumpang”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 101)

Cerita legenda ini mengisahkan tentang Sampar yang bertanggungjawab dalam mengumpul dan menjual kain-kain tersebut di luar negeri. Oleh kerana itu, Sampar selalu meninggalkan isterinya bersama haiwan-haiwan peliharaan mereka. Sebelum berangkat pergi, Sampar sempat berpesan kepada burung tiong yang mampu berkata-kata itu untuk menjaga isterinya dan jika isterinya melahirkan anak perempuan hendaklah ia dibuang di hutan dan jika anak lelaki mestilah dijaga dengan baik. Apabila menerima

berita tentang ketibaan suaminya yang tidak lama lagi akan pulang, Cik Mudalara dan Tiong dipenuhi dengan kebimbangan kerana mereka tahu bahawa suaminya menyimpan rasa hina terhadap anak perempuan mereka. Bagi melindungi anak itu daripada sebarang bahaya yang mungkin akan terjadi maka Tiong merancang untuk menyembunyikannya di atas pokok kelumpang. Akhirnya suami Mudalara mengetahui tentang kewujudan anak perempuannya lalu suami Cik Mudalara mula sayang akan anaknya itu. Selepas menganalisis konteks yang diberikan, menjadi jelas bahawa cerita legenda ini merangkumi unsur moral kasih sayang. Oleh hal demikian, cerita legenda ini menekankan kasih sayang yang mendalam seorang ibu dan seekor burung Tiong terhadap seorang anak perempuan daripada menjadi mangsa seorang bapa yang tidak mempunyai kepermanusiaan. Kasih sayang kepada nyawa ialah tindakan melindungi atau menjaganya dengan sepenuh hati dengan cara menahan diri daripada terlibat dalam sebarang tindakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung yang berpotensi menyebabkan kemudaratan atau mengakibatkan kehilangan nyawa terutamanya dalam alam kematian. Oleh hal demikian, cerita legenda ini dengan jelas memaparkan unsur moral kasih sayang manusia terhadap sayangkan nyawa yang dimiliki oleh si ibu terhadap anaknya yang tercinta. Anak-anak merupakan harta yang paling berharga mempunyai nilai yang sangat penting dalam sesebuah kekeluargaan. Ibu bapa akan mencurahkan kasih sayang dan memberi penjagaan yang lemah lembut terhadap anak-anak dan memastikan kesejahteraan anak terjamin serta memelihara mereka dengan penuh perhatian kasih sayang. Tidak boleh dipertikaikan lagi bahawa ibu mempunyai ikatan yang paling intim dengan anak-anak kerana ibu yang telah melahirkan anak-anak ke dunia ini. Tanpa sosok seorang insan yang bernama ibu siapalah kita di dunia ini.

Memetik wasitah nirmala seterusnya, unsur moral kasih sayang yang tergambar dengan indah dalam cerita legenda yang bertajuk *Batu Belah Batu Bertangkup*. Intipati unsur moral kasih sayang ini dirakam dengan jelas dalam petikan 11 yang tentera dibawah:

#### Petikan 11

“Mak Tanjung merajuk lalu berlari menuju ke gua Batu Belah Batu Bertangkup. Melur dan pekan mengejar emak mereka tetapi malangnya apabila mereka sampai, batu itu sudah bertangkup. Emak mereka sudah tiada. Melur dan Pekan menangis di depan batu belah sehingga tertidur.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 13)

Fenomena ini menceritakan tentang Mak Tanjung, Melur dan Pekan yang tinggal bersama-sama. Pada suatu hari, Mak Tanjung telah pergi ke sungai untuk mencari ikan dan dia berasa gembira apabila mendapat ikan tembakul yang sangat diingini olehnya. Lalu, Mak Tanjung pulang ke rumah dan menyuruh Melur untuk memasak telur tembakul tersebut. Apabila siap memasak, Melur pun menyimpan separuh telur tembakul untuk Mak Tanjung. Pekan yang lapar makan dengan gelojoh sekali sampai menambah sampai tiga kali. Apabila habis Pekan menangis kerana mahu makan lagi tetapi telur tembakul itu hanya tinggal bahagian Mak Tanjung. Oleh kerana kesian, Melur memberikan telur itu kepada adiknya, Pekan. Tidak lama kemudian, Mak Tanjung pulang untuk makan tetapi telur tembakul itu sudah habis. Dengan membawa perasaan sedih dan kecewa Mak Tanjung telah berlari ke batu belah batu bertangkup kerana kecewa akan anaknya yang menghabiskan telur tersebut. Melur dan Pekan berlari sepanas yang mungkin untuk mengejar ibunya. Namun mengecewakan, ibunya telah hilang ke dalam batu tersebut. Berdasarkan cerita ini, jelas menunjukkan bahawa watak Melur dan Pekan amat menyayangi ibunya dan ibunya adalah satu-satunya insan yang mereka ada di dalam kehidupan mereka. Sebagai seorang anak mestilah menyayangi ibu kerana syurga ada di bawah telapak kaki ibu.

Selain itu, unsur kasih sayang boleh dilihat berdasarkan cerita legenda terpilih yang bertajuk *Kasih Sayang keluarga*. Petikan 12 jelas menunjukkan unsur moral kasih sayang:

#### Petikan 12

“Si kakak yang amat sayang akan adiknya mengikut ke mana sahaja peti itu dihanyutkan. Suatu hari, telur menetas. Si kakak mendengar bunyi anak ayam menciap. Apabila peti itu hanyut di tepi sungai, si kakak lantas mengambil peti itu”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023:76)

Cerita ini menggambarkan tentang, sepasang suami isteri yang menginginkan anak lelaki. Beberapa tahun kemudian, si isteri telah melahirkan seorang anak lelaki. Tetapi malangnya anak lelaki tersebut amat ganjil kerana mempunyai tanduk di kepala. Maka suami isteri itu berasa malu lalu meletakkan anak itu dalam sebuah peti bersama sebiji telur emas serta segantang beras lalu menghanyutkan ke sungai. Akan tetapi si kakak amat menyayangi adiknya dan sanggup mengikuti ke mana sahaja peti itu bergerak. Pada suatu hari, si kakak mendengar bunyi suara anak ayam dari peti tersebut lalu si kakak buka peti itu alangkah terkejutnya melihat seorang remaja lelaki yang tampan bersama ayam jantan dan tiada lagi tanduk di kepala. Oleh hal demikian, hubungan abadi antara adik-beradik terjalin kerana kasih sayang dan asuhan yang tidak berbelah bahagi yang terpancar daripada seseorang itu. Walaupun menghadapi cabaran, ikatan antara adik-beradik akan sentiasa kekal kukuh dan tidak dapat dipisahkan. Berdasarkan konteks ini jelas, membuktikan bahawa sebagai seorang kakak wajarlah menyemai rasa cinta demi mengeratkan lagi ikatan adik-beradik yang sedia terjalin.

Berdasarkan perbincangan mengenai unsur moral kasih sayang dalam cerita legenda ini berkait rapat dengan teori Pengkaedahan Melayu (1989) yang bertunjangkan kepada pendekatan moral. Pendekatan ini merupakan ciri masyarakat yang menentukan dan menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh kasih sayang dalam membentuk individu dan masyarakat. Dengan menerokai unsur moral kasih sayang dalam cerita legenda ini, boleh memperoleh pemahaman lebih mendalam tentang nilai dan prinsip yang dipegang oleh budaya Melayu. Penyepaduan kasih sayang dan moral dalam cerita ini menyerlahkan kepentingan pertimbangan etika dan tingkah laku murni yang menggambarkan bagaimana kasih sayang dapat berfungsi sebagai panduan dalam kehidupan individu dan masyarakat secara meluas.

#### 4.4.2 Unsur Moral Bekerjasama

Menurut perspektif Hashim Musa (2008), menyatakan bahawa bekerjasama adalah penting dalam kehidupan masyarakat Melayu, khususnya yang menganut agama Islam kerana ia memainkan peranan penting dalam memartabatkan maruah bangsa. Menurut Kamus Dewan (2015), kerjasama merujuk kepada usaha bersama yang dilakukan oleh masyarakat untuk bekerjasama, menyokong antara satu sama lain dan melibatkan diri dalam gotong-royong ketika bekerja bersama. Unsur moral bekerjasama terdapat dalam cerita legenda terpilih ini yang mengisahkan situasi perpaduan dan intipati bekerjasama dalam masyarakat Melayu tradisional yang sebatи dengan amalan budaya masyarakat Melayu. Hal ini, dapat dilihat menerusi gambaran yang dipaparkan dalam setiap acara yang dilakukan dalam golongan masyarakat kampung dan golongan atasan bersama-sama rakyat. Kerjasama dalam komuniti adalah penting kerana ia berpotensi untuk memupuk suasana harmoni dan saling berkaitan, sekali gus meningkatkan kualiti hidup sama masyarakat. Menurut Kamus Edisi Keempat (2017), kerjasama boleh ditakrifkan sebagai usaha bersama-sama atau saling membantu antara satu sama lain. Pengkaji berpendapat bahawa, unsur moral bekerjasama dan situasi kehidupan sebenar yang digambarkan dalam cerita legenda ini yang menekankan kepentingan kerjasama dalam masyarakat Melayu. Setiap masyarakat mestilah mencerahkan tenaga dalam menjayakan setiap inisiatif yang membabitkan kalangan masyarakat setempat. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan 13 yang menunjukkan unsur moral bekerjasama dalam cerita legenda terpilih yang bertajuk *Asal Usul Sungai Pinggan*:

##### Petikan 13

“Terdapat sebuah kampung di tepi sungai yang terletak di daerah Pontian Johor. Keluarga Pak Itam baru sahaja berpindah di kampung itu. Tok Penghulu dan penduduk kampung bergotong-royong membina rumah Pak Itam. Sebagai tanda terima kasih, Pak Itam menjemput seluruh penduduk kampung menghadiri kenduri rumahnya”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 212)

Cerita legenda *Asal Usul Pinggan* menggambarkan unsur moral bekerjasama. Semangat kerjasama dapat diperhatikan dalam tindakan penduduk di daerah Pontian, Johor yang sudi menghulurkan bantuan antara satu sama lain. Bagi menunjukkan rasa memuliakan dan penghargaan terhadap Pak Itam yang baru berpindah ke kampung mereka, Tok Penghulu dan seluruh penduduk kampung telah bersama-sama gotong-royong membina rumah baharunya. Selain itu, Pak Itam telah menganjurkan majlis keraian di kediamannya sebagai tanda terima kasih atas bantuan yang telah dihulurkan kepadanya. Unsur moral bekerjasama menerusi bergotong-royong merupakan amalan saling tolong-menolong dalam melakukan kerja secara beramai-ramai tanpa menerima ganjaran (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Oleh itu, kepentingan bekerjasama dalam masyarakat amat digalakkan kerana dapat mengeratkan ukhuwah serta dapat menyelesaikan segala rintangan dengan cemerlang, bukan didorong oleh ganjaran tetapi dilaksanakan dengan rela dan sepenuh hati yang ikhlas.

Hal ini selaras dengan teori Pengkaedahan Melayu yang bertunjangkan kepada pendekatan kemasyarakatan. Hal ini kerana, pendekatan kemasyarakatan berfungsi sebagai medium kesejahteraan hidup bermasyarakat, pengukuhan keimanan dan ketaqwaan yang membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Contohnya, kajian terhadap cerita legenda terpilih yang berdasarkan unsur moral bekerjasama yang membuktikan bertapa pentingnya mempraktikkan sikap saling bantu-membantu ketika melakukan sesuatu perkara demi mewujudkan suasana yang tenang, bahagia dan harmoni. Tidak dinafikan lagi, unsur moral bekerjasama ini merupakan sifat yang terpuji yang dimiliki oleh setiap manusia di atas keikhlasan mereka terhadap kebijakan. Oleh hal demikian, unsur moral ini selari dengan prinsip Islam yang sentiasa memperingatkan penganutnya supaya sentiasa berterusan dalam menjaga kesejahteraan dalam kehidupan. Kesimpulannya, unsur moral yang terdapat dalam cerita legenda terpilih ini berupaya dalam memberi manfaat yang lebih luas bagi masyarakat Melayu yang membacanya.

#### 4.4.3 Unsur Moral Kebijaksanaan Mengatur Strategik

Menurut Kamus Dewan (2007), kebijaksanaan adalah keupayaan seseorang untuk membuat keputusan yang masuk akal dan bijak yang menunjukkan kepandaian, berhati-hati dan kebijaksanaan. Hal ini, berdasarkan kecerdasan semata-mata dan merangkumi keupayaan untuk berfikir secara kritis dan strategik. Selain itu, kebijaksanaan boleh dilihat sebagai keupayaan seseorang dalam menggunakan keupayaan intelek mereka dalam pelbagai keadaan. Di samping itu, ia memerlukan pemikiran yang fleksibel dan sentiasa berkembang, di mana individu perlu sentiasa menyesuaikan dan meningkatkan pemikiran mereka untuk membuat keputusan yang paling bijak. Pada dasarnya, kebijaksanaan merangkumi pemahaman secara keseluruhan tentang dunia yang membolehkan seseorang itu menyelesaikan masalah kehidupan dengan menggunakan kecerdikan dan kebijaksanaan. Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2017), kebijaksanaan adalah berkaitan menggunakan akal budi bagi melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan keberanian. Shaiful Bhari Md Radzi (2016), menegaskan bahawa mengatur strategik adalah satu penerapan yang dibina untuk mencorak masa depan dengan sebuah strategi dan bertujuan untuk mencapai matlamat dalam jangka masa yang panjang. Selain itu, ia meliputi kecekapan dalam merangka dan melaksanakan pelan yang tersusun demi menggapai matlamat yang optimum. Selain itu, menurut Kamus Dewan (2007) mengatur berfungsi sebagai kaedah dalam penyusunan dan kedudukan organisasi yang sistematik manakala strategi merupakan satu ilmu untuk merangka dan melaksanakan perancangan dengan teliti sama ada dalam konteks peperangan atau pengurusan organisasi. Oleh hal demikian, dapat disimpulkan daripada perspektif yang dikemukakan oleh para sarjana ini bahawa kebijaksanaan merangka pelan strategi adalah sebuah rancangan yang disusun dengan bijak dalam jangka waktu yang panjang bagi mengatasi permasalahan tersebut. Unsur moral kebijaksanaan dalam mengatur strategik dapat dilihat menerusi cerita *Sang Kancil Dengan Buaya*. Petikan di bawah jelas menunjukkan unsur moral tersebut:

**Petikan 14:**

“Tiba-tiba sang kancil melihat seekor buaya. Dia lalu mendapat satu akal. “Wahai sekalian buaya! Aku telah diperintahkan oleh Raja Sulaiman untuk mengira bilangan kamu semua. Raja Sulaiman hendak memberikan anugerah kepada kamu semua. Cepat berbaris dari sebelah sini sehingga ke seberang sungai sana!” kata sang kancil. Setelah semuanya buaya siap beratur, sang kancil pun melompat ke atas kepala setiap buaya itu sambil bernyanyi, “Satu, dua, tiga ketuk, jantan betina aku ketuk. Empat lima enam dan tujuh, lapan, sembilan dan sepuluh!” Sang Kancil menyanyi dengan riang sehingga tiba di seberang sungai.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 12)

Cerita *Sang Kancil Dengan Buaya* mengisahkan watak Sang Kancil yang bijak membuat strategi dalam usahanya untuk mendapatkan buah jambu air yang berada di seberang sungai. Sang Kancil juga telah mengatur strategi dengan mengatakan bahawa Raja Sulaiman yang ingin memberikan anugerah kepada sang buaya. Dengan membuat strategi sedemikian buaya telah tertipu dengan helah Sang Kancil. Walaupun, watak Sang Kancil sebagai haiwan tetapi watak perwatakannya seperti manusia. Oleh hal demikian, cerita ini menjadi bukti pentingnya kebijaksanaan dalam menggunakan gerakan strategi untuk mencapai matlamat, di samping itu dapat menekankan kepentingan kecerdasan dan intelek dalam mengharungi cabaran hidup.

Selain itu, unsur moral kebijaksanaan ini dapat dilihat berdasarkan cerita *Si Balau Penyelamat Kampung*. Kebijaksanaan ini digambarkan dengan jelas melalui watak yang luar biasa melalui watak Si Balau yang menggunakan taktik bijak yang telah berpura-pura mati ketika harimau menghampirinya. Dengan mempamerkan keberanian dan pemikiran strategi yang bijaksana, Si Balau dengan licik menunggu masa yang sesuai untuk bangun dan memberikan pukulan tanduk yang kuat ke punggung harimau. Hal ini dapat dilihat menerusi contoh petikan yang dibawah:

**Petikan 15**

“Pada hari yang ditentukan, Si Balau pun dibawa ke pinggir hutan. Si Balau diletakkan betul-betul di hadapan perangkap. Si Balau pun bingkas bangun dan menanduk punggung harimau. Harimau mengaum kesakitan. Apabila dia hendak membalaas tandukan Si Balau, Si Balau menaduk perut harimau. Habis isinya terburai dan harimau pun mati. Penduduk kampung bersorak gembira. Si Balau telah menyelamatkan kampung mereka daripada keganasan harimau”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 142)

Fenomena bagi cerita legenda yang bertajuk *Si Balau Penyelamat Kampung* menyerahkan kebijaksanaan Si Balau dalam merangka strategi yang bijak untuk memastikan dirinya selamat daripada dibaham harimau. Berdasarkan cerita ini, tuan kepada Si Balau memutuskan untuk menghantarnya ke hutan untuk dijadikan sebagai umpan harimau kerana kekuatan fizikalnya yang semakin lemah dan kerjayanya asyik tidur sahaja siang dan malam. Namun begitu, Si Balau dengan cerdik mencipta satu strategi untuk memperdayakan harimau itu dan mengelakkan dirinya daripada dimakan oleh harimau. Oleh itu, kebijaksanaan dalam membuat strategik adalah penting kerana tanpa menggunakan akal, kemungkinan sesuatu strategik itu tidak akan berkesan dan sukar untuk dilaksanakan.

Seterusnya, unsur moral kebijaksanaan dalam cerita legenda terpilih yang bertajuk *Puteri Yang Bijaksana*. Unsur moral ini dapat dilihat berdasarkan cerita ini di mana Puteri Sultan Maulana yang bernama Puteri Jarum Emas yang mempamerkan kebijaksanaan beliau yang bijak merangka perancangan untuk mengelak daripada berkahwin dengan Putera Benua Keling. Sekiranya Puteri Jarum Emas tidak mengahwini Putera Benua Keling, mereka akan menyerang Negeri Sultan Maulana iaitu Negeri ayah Puteri Jarum Emas. Oleh hal demikian, Puteri Jarum Emas telah menerima pinangan tersebut tetapi ada syarat yang harus dilakukan oleh Putera Benua Keling. Di bawah berikut adalah petikan teks yang memperlihatkan unsur moral tersebut:

#### Petikan 16

“Puteri Jarum Emas lalu berkata, “Janganlah ayahanda dan bonda bimbang. Terimalah pinangan itu dengan beberapa syarat. Syaratnya ialah pertama, putera raja Benua Keling mestilah datang sendiri dengan menaiki bahtera. Kedua, bahtera itu mestilah dilabuhkan di tengah lautan. Ketiga, hendaklah membawa sepuluh peti jarum emas. Keempat, semua jarum emas mestilah dibilang jumlahnya. Kelima, perkahwinan akan dibatalkan jika ada sebatang jarum patah. Keenam, putera raja mestilah datang dalam tempoh sempurnama”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 29)

Cerita ini menggambarkan tentang Puteri Jarum Emas yang memiliki tahap kepandaian yang luar biasa ketika melakukan muslihat. Berikutan kejadian bulan purnama, kapal

Putera Benua Keling telah berlabuh di tengah-tengah hamparan lautan yang luas, membawa sepuluh peti jarum emas. Kesemua peti itu kemudiannya dibawa ke negeri Indera Pencala untuk dihitung tetapi jarum emas terlalu banyak sehingga menyebabkan makan masa yang terlalu lama. Pada suatu malam, laut telah bergelora dengan angin yang kencang menyebabkan putera raja berpatah balik. Oleh hal demikian, majlis Puteri Jarum Emas telah dibatalkan dan Sultan Maulana dan permaisuri gembira kerana majlis tersebut batal dan gembira mempunyai puteri yang bijaksana dalam menyelesaikan masalah.

Hal ini selaras dengan Teori Pengkaedahan Melayu yang berteraskan kepada pendekatan moral. Hashim Awang (2002) menjelaskan bahawa unsur moral adalah pendekatan melalui pengalaman manusia yang mengharungi kehidupan sama ada dari sudut positif atau negatif. Pendekatan moral jelas dinyatakan menerusi watak dalam cerita legenda yang mempunyai kepintaran dan kecerdikan dalam mengendalikan urusan pentadbiran negeri. Keupayaan watak ini untuk menguruskan hal ehwal negeri amat berkesan. Hal ini kerana, seorang pentadbir negeri mestilah mempunyai kepintaran kerana dengan kepintaran dapat menyelamatkan sesebuah negeri itu daripada dijajah oleh orang lain.

#### 4.4.4 Unsur Moral Kebijaksanaan Berfikir

Menurut Kamus Dewan (2007), pemikiran merupakan daya ingatan yang berkeupayaan dalam mempertingkatkan minda fikiran dalam menjana idea-idea yang inovatif. Tindakan berfikir boleh ditakrifkan sebagai tindakan menilai sesuatu perkara itu positif atau negatif sebelum benar-benar melaksanakannya. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) berfikir disifatkan sebagai proses pemikiran yang serba boleh dan kreatif yang merangkumi pelbagai tindakan menggunakan pelbagai strategi berfikir untuk menangani dan menyelesaikan masalah. Hal ini adalah perkara yang perlu difikirkan secara logik akal dan rasional semasa membuat keputusan dengan mengutarakan matlamat

bersama bukti yang kukuh. Oleh hal demikian, berdasarkan pandangan yang diberikan oleh para cendekiawan ini dapat disimpulkan bahawa kebijaksanaan berfikir adalah berkaitan dengan kebolehan dalam menyelesaikan masalah dengan menggunakan akal fikiran yang bijaksana. pengkaji berpendangan bahawa, kebijaksanaan merupakan satu aspek yang penting dalam proses berfikir dan dalam mengambil keputusan. seseorang yang mampu menggunakan kebijaksanaan akan dapat membuat keputusan yang bijak dan matang serta berani mengambil pelbagai risiko. Kebijaksanaan berfikir jelas tergambar dalam cerita yang bertajuk *Khadam Yang Bijak*. Unsur moral kebijaksanaan berfikir dapat dilihat dalam petikan 17, seperti dibawah:

Petikan 17

“Seorang khadam istana lalu menghadap raja, “Ampun tuanku, patik tahu bagaimana hendak mengembalikan selera tuanku. Tetapi, Tuan Bendahara hendaklah menyediakan patik dua bungkus nasi berlaukan ikan kering dan bekalan air yang secukupnya”. Khadam kemudiannya mengajak raja mengembara ke dalam hutan. Raja dan khadam berjalan begitu lamanya sehingga raja berkata, “Khadam, beta keletihan dan sangat lapar. Beta muh makan”. Khadam lalu mengeluarkan bekalan makanan yang dibawanya. Baginda menyantap makanan dengan penuh selera”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023:27)

Cerita ini mengisahkan tentang seorang raja yang baru sahaja menaiki takhta. Tidak lama kemudian, Baginda hilang selera makan. Lalu Bendahara mencari rakyat yang mampu membuatkan raja untuk berselera makan semula. Maka datang seorang tukang masak dan menyediakan makanan yang lazat, malangnya baginda tetap tidak berselera. Tidak lama kemudian, khadam yang bijak menghadap raja dan mengajak baginda untuk mengembara ke hutan maka baginda pun bersetuju. Sewaktu di hutan, baginda meminta khadam makanan lalu khadam memberikan. Raja makan dengan penuh berselera sekali. Oleh hal demikian, kerana kebijakan Khadam, raja telah memberi ganjaran kepada Khadam sebagai pengawal peribadi raja tersebut. Dengan adanya kebijaksanaan berfikir ini, kita dapat membezakan antara yang bermanfaat dan merugikan sebelum mengambil sebarang tindakan.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan moral mampu dikaitkan dengan unsur moral dalam cerita legenda di atas. Hal ini bertepatan dengan pendekatan moral kerana ia melibatkan kekuatan ilmu pengetahuan dan daya cipta. Dengan adanya ciri-ciri sebegini, sastera mampu memberikan faedah yang lebih besar dan menjangkau lebih jauh serta dalam peranan sebagai peralatan iaitu kemanfaatan yang mengenai keperibadian seseorang itu. Dengan memilikinya ilmu pengetahuan ini, manusia dapat membezakan di antara positif atau negatif kerana mempunyai unsur moral kebijaksanaan dalam diri. Dengan adanya pendekatan moral yang tertanam dalam diri manusia, mereka mampu membuat pertimbangan dan keputusan yang selaras dengan prinsip-prinsip moral, memupuk pertumbuhan peribadi dan peningkatan masyarakat secara keseluruhan.

#### 4.4.5 Unsur Moral Baik Hati

Baik hati ini dapat dipecahkan kepada lima elemen iaitu sifat belas kasihan, bertimbang rasa, murah hati, sentiasa memahami antara satu sama lain dan sentiasa memaafkan (Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan, 1992). Berdasarkan definisi dan ciri-ciri yang telah dinyatakan, baik hati boleh difahami sebagai satu perasaan yang berakar umbi daripada keinginan untuk menyumbang dan memberi bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk orang lain dan persekitaran sekeliling. Melalui makna dan ciri yang dibahaskan, baik hati ini dapat dirangkumkan sebagai salah satu sifat atau perasaan yang wujud berdasarkan kepada sifat keinginan dalam memberi dan memenuhi perasaan, kebajikan dan kesejahteraan agar dapat mencurahkan kebaikan, faedah dan manfaat. Baik hati adalah satu sifat yang murni dan kelakuan yang patut disemai dalam diri seseorang itu. Terdapat banyak pandangan yang berbeza yang telah dikemukakan oleh para sarjana tentang baik hati ini. Menurut Norita Arifin (2006), baik hati adalah perasaan yang mendalam yang berada dalam setiap jiwa manusia dan mempunyai keupayaan untuk membawa hasil positif dan kebaikan kepada diri sendiri, orang lain serta persekitaran sekeliling. Menurut Hashim Musa (2008), baik hati ini melibatkan mempertimbangkan

perasaan dan keadaan orang lain yang menunjukkan sikap empati terhadap perjuangan, kesakitan mereka dan bermurah hati dalam memberikan bantuan, sokongan serta bersedia memaafkan kesilapan tanpa menyimpan rasa dendam. Menurut pengkaji, unsur moral baik hati ini merupakan sifat yang lahir daripada jiwa yang suka memberikan pertolongan kepada orang yang memerlukan. Baik hati ini bukan sahaja mencerminkan kebaikan batin yang mendalam, tetapi juga menunjukkan kepekaan terhadap keperluan orang lain. Unsur moral baik hati ini melibatkan kesediaan untuk memberikan pertolongan tanpa mengharapkan balasan, serta keupayaan untuk merasai dan memahami penderitaan atau keperluan orang lain. Oleh hal demikian, unsur moral baik hati boleh dilihat berdasarkan cerita rakyat legenda yang terpilih yang bertajuk *Melor Dan Melah*. Hal ini jelas tergambar di dalam petikan 18 yang tentera di bawah:

#### Petikan 18

“Suatu hari, sewaktu Melor ingin mengambil air dari perigi, seorang wanita tua datang ke situ. Wanita itu menjunjung seberkas kayu api di atas kepalanya. Dia meminta sedikit air dari Melor kerana haus. “Mari saya turunkan kayu di atas kepala nenek dahulu”, kata Melor. Kemudian dia memberikan air kepada wanita tua itu untuk diminum. Setelah itu, dia mengangkat kayu dan meletakkannya di atas kepala wanita tua itu semula. “Baik sungguh hati kamu, cu. Deritamu akan berakhir tidak lama lagi. Sekarang tiap kali kamu membuka mulut, mulut akan berbau harum. Malah sekuntum bunga dan batu permata akan keluar dari mulut kamu, kata wanita tua itu”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 75)

Fenomena ini mengisahkan tentang seorang wanita yang mempunyai seorang anak kandung dan seorang lagi anak tiri. Anak kandungnya bernama Melah manakala anak tirinya pula bernama Melor. Ibu tirinya itu amat cemburukan kecantikan Melor. Oleh hal disebabkan itu, semua kerja rumah dilakukan oleh Melor. Pada suatu hari, sewaktu Melor ingin mengambil air di perigi, datang seorang wanita tua dan wanita itu menjunjung seberkas kayu api di atas kepalanya. Wanita tua itu meminta sedikit air dari Melor kerana haus. Melor pun menghulurkan air kepada wanita tua itu. Oleh hal demikian, jelaslah bahawa sifat Melor yang baik hati terhadap wanita tua itu merupakan satu tingkah laku yang murni dan sememangnya unsur moral ini dapat dijadikan sebagai tauladan kepada

masyarakat. Sekiranya, kita berbuat baik terhadap orang lain tanpa mengharapkan balasan akan dibalas dengan kebaikan semula.

Memetik wasitah nirmala seterusnya, unsur moral baik hati jelas tergambar dalam cerita legenda yang terpilih yang bertajuk *Harga Sepinggan Nasi*. Unsur moral baik hati ini dirakam dengan jelas dalam petikan 19 yang tentera di bawah:

Petikan 19

“Perempuan itu bersimpati dengan pemuda itu. Ia pun ke dapur menyediakan hidangan. Tidak lama kemudian, ia keluar membawa nasi, sedikit lauk dan juga secawan air. Perempuan tua menjemput pemuda itu makan lalu ke dapur semula. Pemuda itu makan dengan gembiranya. Apabila habis sepinggan nasi, ia mahu meminta tambah tetapi segan. Ia pun mengangkat pinggannya yang telah kosong lalu bertanya, “Makcik berapakah harga sepinggan ini?”. (Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 181)

Menerusi cerita ini, jelas menggambarkan sifat baik hati melalui watak perempuan tua yang menghulurkan bantuan kepada seorang lelaki muda yang keletihan dan kelaparan. Dengan penuh kebaikan, perempuan tua itu memberikan makanan kepada pemuda itu untuk memastikan dia tidak kelaparan. Oleh hal demikian, jelaslah tergambar bahawa wanita tua itu tidak kedekut dalam berkongsi rezeki walaupun di rumahnya tidak mempunyai makanan yang banyak tetapi kerana belas kasihannya wanita tua tersebut memberikan makananya. Pemuda tersebut mengucapkan terima kasih kepada wanita tua yang baik hati itu. Berdasarkan cerita legenda yang terpilih ini, ianya berfungsi sebagai peringatan tentang bertapa pentingnya memasukkan unsur moral baik hati ini ke dalam diri setiap individu, kerana ia memberi impak yang besar kepada kemajuan masyarakat.

Justeru itu, unsur moral baik hati melandasi kepada pendekatan kemasyarakatan. Hal ini kerana, pendekatan kemasyarakatan berperanan sebagai medium kesejahteraan hidup bermasyarakat, peneguhan keimanan dan ketakwaan yang membawa kearah kebaikan. Sememangnya, unsur moral baik hati ini menunjukkan tindak balas emosi yang mendalam dalam setiap individu, membangkitkan perasaan hiba dan kesedihan

serta segera menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Berdasarkan cerita ini jelas terbukti bahawa pendekatan kemasyarakatan berdasarkan kepada medium mendidik atma manusia untuk sentiasa melakukan kebaikan demi melahirkan suasana yang harmoni, aman-damai dan mendekatkan diri kepada sang pencipta iaitu Allah SWT.

#### 4.4.6 Unsur Moral Kesetiaan

Menurut definisi Kamus Dewan (2007), kesetiaan boleh ditakrifkan sebagai satu sifat yang berkekalan yang wujud dalam diri seseorang individu dan mempengaruhi keteguhan hati seseorang itu. Hal ini dijelaskan sebagai keteguhan akal fikiran dalam melaksanakan sesuatu. Bagi individu, ia ditunjukkan melalui ketaatan, kepatuhan dan mampu melakukan sesuatu perkara yang diharapkan oleh orang lain. Menurut perspektif, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), menjelaskan bahawa kesetiaan merupakan kesepadan dan kekuatan hati yang tidak berbelah bahagi dalam mempertahankan dan menegakkan sesuatu perhubungan. Hubungan seperti persahabatan, perkongsian dan perniagaan atau kerajaan serta ikatan suci perkahwinan yang mempunyai keteguhan hati untuk mengekalkan dan memupuk hubungan itu. Oleh hal demikian, berdasarkan kepada perspektif daripada para sarjana ini dapat disimpulkan bahawa unsur moral kesetiaan bermaksud keteguhan hati yang tidak berbelah bahagi dalam menjaga pelbagai perhubungan termasuk ikatan suci antara pasangan, kesetiaan terhadap badan-badan pemerintah serta kesetiaan yang ditunjukkan dalam hubungan persahabatan. Pengkaji berpendapat bahawa unsur moral kesetiaan merupakan sifat yang sentiasa ada, tidak kira dalam keadaan susah atau senang. Kesetiaan ini merujuk kepada sikap atau perilaku seseorang yang tetap setia dan selalu bersama, tanpa mengira cabaran atau keselesaan. Unsur moral kesetiaan dapat dilihat dalam cerita legenda terpilih iaitu *Seri Menanti* pada petikan 20 seperti dibawah:

#### Petikan 20

“Keesokan pagi, ketujuh-tujuh pengembara mengucapkan terima kasih Seri lalu meneruskan semula perjalanan. Di pertengahan jalan Dato Lela memberitahu dia tertinggal pedang di rumah Seri lalu berpatah balik. Apabila menemui Seri, Dato Lela berkata, “Sudikah puan menjadi isteri hamba”? “Tidak boleh. Hamba menanti kepulangan suami hamba”, balas seri. Dato Lela kecewa lalu beransur pergi. Perkara yang sama dilakukan oleh enam orang sahabatnya. Tetapi Seri tetap memberikan jawapan yang sama”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 26)

Cerita legenda ini, menyerlahkan unsur moral kesetiaan yang mendalam yang tergambar indah melalui watak seri ketika dia mempamerkan kesabaran yang tidak berbelah bahagi dan tabah menanti kepulangan suaminya. Walaupun Seri telah dilamar oleh Dato Lela dan rakan-rakannya, Seri tetap menolak mereka kerana Seri sedang menanti kepulangan suaminya. Oleh kerana kesetiaan Seri, suaminya telah pulang ke pangkuannya dan mereka hidup berbahagia. Oleh itu, adalah penting bagi setiap manusia untuk memupuk rasa kesetiaan yang mendalam dalam diri kerana kesetiaan inilah yang membawa kepada perhubungan yang berpanjangan dan berkekalan. Berdasarkan konteks ini, kesetiaan bukan sahaja sekadar mengatakan janji untuk tetap bersama ketika senang sahaja tetapi di waktu susah juga.

Hal ini selaras dengan Teori Pengkaedahan Melayu bagi pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan moral berdasarkan pengalaman-pengalaman itu, menyatakan satu pertanyaan yang membawa kepada pengajaran yang mendatangkan faedah yang berguna. Berdasarkan pendekatan ini, karya sastera bukan sahaja diwujudkan untuk menjadi catatan peristiwa sosial tetapi ia juga berfungsi sebagai alat atau perangsang kepada penciptaan masyarakat berilmu dan intelektual. Selain itu, kesetiaan memainkan peranan penting dalam memupuk kepercayaan dan membina hubungan interpersonal yang kukuh. Apabila setiap individu memegang teguh unsur moral kesetiaan ini, ia memberikan keyakinan kepada pasangan bahawa mereka boleh bergantung antara satu sama lain.

#### 4.4.7 Unsur Moral Persahabatan

Menurut Kamus Dewan (2010), persahabatan boleh ditakrifkan sebagai perbuatan membentuk ikatan yang kukuh dan mengekalkan hubungan rapat dengan sesama manusia yang dianggap sebagai sahabat. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2014), didapati bahawa persahabatan merupakan aspek asas kemanusiaan yang berkaitan dengan ikatan kasih sayang yang mendalam yang dikongsi bukan sahaja antara manusia tetapi juga dengan pelbagai makhluk Allah S.W.T. yang lain. Selain itu, menurut Azmin Yusof dan Muhammad Ismail Abdullah (2017), persahabatan boleh ditakrifkan sebagai ikatan sosial yang mampu memupuk rasa persaudaraan dan hubungan antara manusia. Berdasarkan kajian ini, adalah penting bagi manusia yang dianggap sebagai khilafah di muka bumi ini untuk memupuk hubungan yang harmoni dalam persekitaran yang positif. Unsur moral persahabatan yang digambarkan dalam cerita legenda yang terpilih bertajuk *Setiakawan*. Di bawah berikut adalah petikan 21 yang memperlihatkan unsur moral tersebut:

##### Petikan 21

“Dahulu ada dua ekor gajah yang bersahabat baik. Seekor gajah jantan seekor gajah betina. Setiap apa yang dilakukan pasti bersama-sama. Mereka mencari makanan bersama malah mereka berkongsi setiap makanan. Suatu hari, gajah jantan jatuh sakit. Dia berkata kepada gajah betina. “Saya rasa ajal saya hampir tiba. Selepas ketiadaan saya, kamu terpaksa mencari makanan sendirian”. Gajah betina sangat sedih”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 145)

Cerita legenda ini mengisahkan mengenai hubungan persahabatan di antara gajah jantan dan gajah betina. Cerita legenda ini berkait rapat dengan unsur moral persahabatan kerana gajah betina berasa sangat kesepian selepas kematian gajah jantan dan menyebabkan gajah betina tersebut tidak makan dan tidak minum sehingga gajah betina itu mati di sisi sahabatnya. Oleh hal demikian, jelaslah bahawa cerita legenda ini menggambarkan unsur moral persahabatan yang mendalam kerana ia menunjukkan ikatan yang berkekalan yang mampu memupuk rasa kasih sayang yang mendalam dan berpanjangan dalam pertalian persahabatan. Sehubungan dengan itu,

adalah penting bagi masyarakat untuk memupuk unsur moral yang kukuh berpaksikan kepada konsep persahabatan kerana ianya akan membawa kepada pembangunan masyarakat yang bercirikan unsur moral yang tinggi. Islam sangat menitikberatkan persahabatan kerana ia sangat penting bukan sahaja dalam kehidupan dunia tetapi juga di alam akhirat kelak (Azmin Yusof & Muhamad Ismail Abdullah, 2017).

Hal ini selari dengan Teori Pengkaedahan Melayu bagi pendekatan moral. Melalui konteks ini, idea dan pemikiran yang dikumpul melalui pelbagai pengalaman hidup menimbulkan satu persoalan yang membawa kepada pengajaran yang mampu menyampaikan manfaat yang berguna kepada masyarakat tentang bertapa pentingnya unsur moral ini dalam kehidupan sehari-harian. Dengan menggunakan pendekatan ini, karya sastera tidak dicipta semata-mata untuk membongkar kebenaran dan keadilan dalam sesuatu perkara yang melandasi kehidupan masyarakat. Malah menjadi alat atau dorongan dalam membentuk budaya bangsa, secara tidak langsung dapat menyemai moral yang positif dalam kehidupan masyarakat. Unsur moral persahabatan ini mampu memupuk seseorang untuk mempunyai ikatan persahabatan dalam kehidupan. Kesetiaan dalam hubungan persahabatan memerlukan komitmen untuk sentiasa berada disisi rakan sama ada dalam keadaan suka maupun duka. Seseorang yang mempunyai unsur moral kesetiaan dalam diri akan menunjukkan sokongan sejati dan menjadikan hubungan persahabatan lebih bererti dan saling memahami.

#### 4.4.8 Unsur Moral Murah Hati

Menurut Hashim Musa (2008), murah hati membawa maksud manusia yang memiliki perwatakan atau perlakuan tidak kedekut atau bakhil iaitu seseorang yang suka memberi sedekah kepada sesiapa sahaja di sekelilingnya dan perbuatan itu tidak mengharapkan balasan atas perbuatan yang dilakukan. Berdasarkan perspektif, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016), murah hati dapat ditakrifkan sebagai keinginan dan kesanggupan yang tulus untuk memberikan bantuan kepada masyarakat

yang memerlukan, sama ada melalui kebendaan atau sokongan emosi. Selain itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), menegaskan bahawa murah hati ini adalah satu sikap yang tidak mementingkan diri dan berlapang dada dalam berkongsi sumber rezeki dengan orang lain untuk memastikan setiap orang menerima bahagian yang sama dan saksama daripada faedah tersebut. Oleh hal yang demikian, murah hati boleh dianggap sebagai salah satu prinsip yang paling penting yang dianut oleh manusia kerana ia memainkan peranan dalam memupuk keharmonian di kalangan masyarakat yang pelbagai dengan tidak melupakan keperluan dan kesusahan yang ditanggung oleh masyarakat yang tinggal di persekitaran. Sifat kemanusiaan ini ditunjukkan melalui perbuatan dermawan dan dengan rela hati yang menyumbang kepada tujuan amal tanpa sebarang motif tersembunyi atau mengharapkan keuntungan peribadi. Pengkaji berpendapat bahawa dengan memiliki unsur moral murah hati ini akan membawa seseorang itu ke dalam kehidupan yang tenang dan harmoni. Sehubungan dengan itu, murah hati merujuk kepada sifat atau perilaku memberi tanpa mengharapkan balasan dan kecenderungan untuk berbuat baik kepada orang lain. Selain itu, murah hati ini tidak hanya membawa kebahagiaan kepada penerima tetapi juga kepada pemberi. Unsur moral murah hati ini jelas tergambar dalam cerita legenda terpilih yang bertajuk *Wak Sinong, Tukang Gasing*. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan 22 yang tentera di bawah:

#### Petikan 22

“Di kampung Permatang Ringgi, tinggal seorang tukang gasing yang pemurah dan baik baik hati bernama Wak Sino. Suatu hari, seorang pemuda bernama Suman datang menemui Wak Sino. Dia ingin membeli sebuah gasing untuk digunakan dalam pesta gasing yang dianjurkan oleh Sultan. Wak Sino lalu menjual gasing itu dengan harga hanya dua keping syiling emas”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 119)

Cerita ini mengisahkan tentang seorang watak yang bernama Wak Sino yang digambarkan seorang yang mempunyai sifat murah hati. Cerita ini diteruskan dengan paparan kemurahan hati Wak Sino, dimana Wak Sino telah menjual gasingnya dengan harga yang murah kepada pembeli yang bernama Suman. Kejadian ini menjadi petunjuk

yang jelas bahawa setiap manusia harus memiliki dan mengutamakan unsur moral iaitu kemurahan hati dalam pelbagai aspek kehidupan komuniti. Oleh hal demikian, unsur moral murah hati ini mempunyai keupayaan untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai sifat belas kasihan dan kecenderungan yang kuat untuk membantu orang lain ketika memerlukan. Berdasarkan ajaran Islam, murah hati ini amat dititikberatkan pada setiap umat manusia kerana Islam mengajar umatnya untuk melakukan kebaikan dengan berkongsi rezeki yang dikurniakan oleh Allah S.W.T supaya setiap umat manusia mendapat kebaikan tersebut. Menurut, Hashim Musa (2008), murah hati ini adalah kecenderungan untuk menyumbang atau menghulurkan bantuan tanpa mengharapkan sebarang bentuk balasan semula. Menurut pendapat, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) masyarakat yang mempunyai unsur moral murah hati ini akan dipandang tinggi atau disanjungi oleh ramai orang dan mewujudkan rasa bersyukur dengan setiap rezeki yang ada dan memupuk hubungan interpersonal yang positif dan harmoni.

Hal ini bertepatan dengan pendekatan masyarakat yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini kerana, unsur moral murah hati ini lebih dekat dengan pendekatan masyarakat kerana unsur ini dapat dilihat melalui tingkah laku dan cara berinteraksi dalam kehidupan masyarakat. Oleh hal demikian, seperti mana yang tergambar dalam cerita legenda tentang unsur moral murah hati yang terbukti oleh watak-watak sampingan dalam cerita tersebut berdasarkan ciri-ciri yang ada pada unsur moral murah hati ini seperti baik hti, belas kasihan dan sentiasa memaafkan yang mampu membawa unsur moral kepada kebaikan dan kebajikan yang selari dengan prinsip Islam tersebut.

#### 4.4.9 Unsur Moral Bermuafakat

Menurut pendapat, Abd Rahim Abd Rashid (2001) mentakrifkan semangat kerjasama dalam semua sektor sebagai satu cara untuk menangani dan mengatasi pelbagai cabaran yang dihadapi oleh masyarakat. Kerjasama dan permuafakatan berfungsi

sebagai tonggak asas bagi kekuatan kumpulan, organisasi, komuniti dan negara. Bermuafakat merupakan hal yang berkaitan dengan kehidupan seharian khusunya bagi masyarakat Melayu. Sebagai contoh, permuafakatan yang boleh diperhatikan dalam masyarakat Melayu kontemporari ialah bersama-sama dalam melakukan gotong-royong, kenduri kendara dan lain-lain lagi. Secara tidak langsung, unsur moral bermuafakat ini berpotensi untuk memupuk dan meningkatkan lagi hubungan dalam masyarakat Melayu dalam menelusuri kehidupan seharian. Selain itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), bermuafakat bermaksud suatu pembicaraan, persepakatan, musyawarah dan perbincangan dalam usaha untuk mencapai suatu persetujuan bersama. Pada hari ini, unsur moral ini digambarkan dengan jelas dalam pelbagai naratif terutamanya dalam cerita legenda. Cerita legenda bukan semata-mata karya fiksyen, sebaliknya merupakan alat yang ampuh berpotensi untuk membentuk dan mempengaruhi keperibadian seseorang. Hal ini mampu memberi kesan yang ketara kepada perkembangan masyarakat muda kerana jiwanya muda dan mudah terpengaruh serta mereka lebih mudah menerima pembentukan berbanding orang dewasa dan pada seusia ini mereka dapat membezakan antara yang baik dan buruk. Pengkaji berpandangan bahawa unsur moral bermuafakat perlu diterapkan kepada kanak-kanak sejak kecil lagi supaya dapat membentuk masyarakat yang suka bermuafakat dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Bermuafakat merujuk kepada kerjasama dan kesepakatan bersama untuk mencapai tujuan yang diinginkan. Menanamkan unsur moral bermuafakat sejak usia kanak-kanak dianggap penting dalam membentuk sikap positif terhadap kerjasama, saling menghormati dan bekerjasama untuk mencapai kejayaan bersama. Oleh hal demikian, ini tidak hanya memperkuatkan hubungan sosial tetapi juga menciptakan hubungan yang lebih bersatu padu dan efisien dalam menangani tugas atau projek bersama. Oleh kerana itu, perlu menekankan unsur moral bermuafakat sejak awal kehidupan agar dapat membentuk dasar kukuh untuk pembangunan masyarakat yang harmoni dan produktif. Sehubungan itu, unsur moral bermuafakat boleh dilihat berdasarkan cerita legenda terpilih yang bertajuk *Berkat*

*Muafakat*. Di bawah berikut adalah petikan 23 yang memperlihatkan unsur moral tersebut:

Petikan 23

“Semua binatang di hutan hidup aman dan damai. Mereka saling membantu antara satu sama lain. Suatu hari, Raja Gergasi dan pengikutnya mahu menyerang kawasan hutan. Maka, bermesyuaratlah semua binatang memikirkan taktik melawan musuh mereka nanti. Seekor gajah betina dilantik sebagai ketua”.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir, 2023: 168)

Cerita legenda yang bertajuk *Berkat Muafakat* mengisahkan tentang haiwan-haiwan di hutan tersebut telah bersatu untuk menentang musuh iaitu Raja Gergasi. Berdasarkan keadaan tersebut, permuafakatan yang dilakukan oleh haiwan-haiwan ini merupakan salah satu tindakan yang bijak bagi mengatasi sesuatu masalah dengan mengadakan mesyuarat dengan semua binatang. Unsur moral bermuafakat ini terserlah apabila seekor gajah betina dilantik sebagai ketua. Gajah betina itu telah mengarahkan kaumnya siapkan perang manakala haiwan-haiwan lain disuruh mengutip lumut dan menanam kamunting dan sungkai untuk digunakan bagi mengalahkan raja gergasi tersebut. Dengan berkat permuafakatan mereka berjaya mengalahkan raja gergasi tersebut. Dengan mengaplikasikan unsur moral ini dalam cerita legenda merupakan perkara yang penting kerana ia mendedahkan kepada masyarakat tentang bermuafakat itu penting untuk diterapkan di dalam kehidupan.

Rentetan daripada itu, unsur moral bermuafakat ini bertunjangkan kepada pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral ini berfungsi sebagai medium pengajaran bagi kehidupan manusia. Unsur moral bermuafakat berperanan penting dalam mencorak manusia yang saling tolong-menolong antara satu sama lain. Muafakat adalah intipati kesepakatan dan persefahaman bersama yang bertujuan untuk menggapai kebaikan serta menjalankan hubungan yang sejahtera dalam sesama manusia. Berdasarkan unsur moral bermuafakat ini, masyarakat dapat menangani segala masalah dan cabaran bersama-sama dengan lebih berkesan. Sikap bergotong-royong dan saling bantu-membantu ini menjadi tunjang utama dalam masyarakat yang menerapkan sifat

muafakat dalam kehidupan. Oleh hal demikian, unsur moral bermuafakat bukan sahaja membentuk komuniti yang menyokong satu sama lain tetapi ia juga mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk mencapai keamanan, keadilan serta kesejahteraan kolektif. Apabila masyarakat menerima dan memupuk kepentingan permuafakatan, ia berpotensi untuk maju secara mantap dan mampan dari semasa ke semasa.

#### 4.4.10 Unsur Moral Kerajinan

Kerajinan adalah usaha berterusan yang memerlukan semangat yang tinggi serta keupayaan untuk bertahan, keteguhan, mengekalkan dedikasi dan ketekunan dalam usaha mencapai sesuatu (Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan, 1992). Jumali Hj.Selamat (2001) menyatakan bahawa kerajinan adalah usaha yang konsisten yang dilakukan dengan penuh semangat dan dedikasi untuk mencapai kejayaan dan tahap kecemerlangan. Norita Arifin (2006) mendefinisikan kerajinan sebagai kegigihan dan keteguhan dalam melaksanakan sesuatu tugas di samping kerajinan yang berterusan dalam memuaskan keinginan iaitu impian dan kecemerlangan dengan penuh dedikasi. Berdasarkan pendapat, Hashim Musa (2008) kerajinan adalah usaha yang sentiasa berterusan yang tidak berputus asa, bekerja keras untuk mencapai tujuan, mengejar sasaran dan mengejar cita-cita untuk menggapai kejayaan. Oleh hal demikian, unsur moral kerajinan dapat disimpulkan sebagai usaha tanpa henti yang merangkumi keazaman, kegigihan, dedikasi dan semangat yang mendalam dalam mengejar impian serta cita-cita bagi mencapai kejayaan. Pada pendapat pengkaji, sebagai seorang manusia mestilah mempunyai unsur moral kerajinan kerana kerajinan ini membawa kejayaan kepada seseorang itu. Jika tiada kerajinan dan kegigihan seseorang itu tidak akan mencapai matlamat yang diingininya. Contohnya, dapat dilihat dalam cerita legenda terpilih yang berjudul *Rajin Berusaha* yang mempamerkan unsur moral kerajinan. Hal ini dapat dilihat pada petikan 24 dibawah:

##### Petikan 24

“Suatu hari, kawan-kawan Buyung mengadakan majlis khatam Quran di rumah tuk guru. Mereka menjemput Buyung tetapi Buyung malu hendak pergi. Ia pun

membawa dirinya ke hutan dan bersembunyi di dalam gua. Di dalam gua ia melihat sebuah batu menjadi lekuk kerana air menitis di atasnya. "Berapa lamakah air itu menitis sehingga batu itu menjadi lekuk?" soal Buyung sendirian. Sedarlah Buyung bahawa jika ia rajin berusaha dan tidak berputus asa, ia juga akan pandai mengaji".

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir: 2023: 172)

Cerita legenda ini mengisahkan watak Buyung seorang yang malas mengaji, pada suatu hari kawan-kawan Buyung ingin khatam Quran dan mengajaknya tetapi Buyung tidak hadir kerana malu lalu Buyung membawa diri ke gua. sewaktu di dalam gua Buyung tersedar bahawa bertapa pentingnya rajin di dalam kehidupan kerana kerajinan membawa kecemerlangan di dalam kehidupan. Selepas sedar, Buyung pun keluar dari gua dan pergi ke majlis khatam kawan-kawannya dan Buyung berjanji akan belajar rajin-rajin, tidak akan malas lagi. Akhirnya, Buyung dapat khatam al-Quran seperti kawan-kawan yang lain. Kenduri doa selamat telah dijalankan bagi meraikan kejayaan Buyung yang telah berjaya khatam. Oleh hal demikian, unsur moral kerajinan ini amat penting untuk diterapkan di dalam cerita legenda kerana ia dapat mendedahkan kepada pembaca bahawa pentingnya sifat kerajinan ini di dalam kehidupan sehari-harian manusia.

Rentetan daripada itu, unsur moral kerajinan bertunjang kepada pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral berperanan sebagai pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi kesan yang positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Contohnya, berdasarkan cerita legenda terpilih bagi unsur moral kerajinan dapat membuktikan bahawa pengarang jelas menggambarkan kesungguhan umat manusia dalam melakukan sesuatu tindakan demi menggapai kejayaan terhadap diri sendiri. Unsur moral kerajinan ini wajar diamalkan oleh setiap manusia dalam membentuk sebuah masyarakat yang cekap melakukan sesuatu perkara biasa atau sebaliknya. Berdasarkan konteks ini, jelas menunjukkan jika seseorang itu bersungguh-sungguh maka akan memperoleh faedah kepada dirinya dan

orang lain. Selain itu, mendidik mereka untuk lebih berjaya di masa hadapan melalui pengalaman dan ilmu yang mereka ada.

#### 4.4.11 Unsur Moral Tolong-Menolong

Abd Rahim Abd Rashid (2001), menyatakan bahawa tolong-menolong ini berpadanan dengan konsep *caring society* (masyarakat penyayang). Tolong-menolong membolehkan masyarakat bersatu dan menangani pelbagai isu sosial yang dihadapi oleh individu dalam komuniti yang memerlukan sokongan dan bantuan. Oleh hal demikian, ia membawa kepada kesediaan dalam melaksanakan sesuatu dengan sepenuh hati dan semangat perpaduan yang kukuh ke arah peningkatan masyarakat tanpa mengharapkan balasan. Budaya tolong-menolong antara satu sama lain mempunyai kepentingan yang sangat besar dalam masyarakat kerana susah senang bersama dalam menangani masalah. Oleh hal demikian, unsur moral tolong-menolong ini adalah sikap yang mulia dan harus dipupuk dalam jiwa setiap masyarakat. Apabila seseorang individu itu memerlukan bantuan, masyarakat akan berusaha untuk memberikan pertolongan bagi meringankan beban yang ditanggung. Menurut pengkaji, unsur moral tolong-menolong dianggap sebagai perkara yang mulia kerana melibatkan tindakan memberikan bantuan kepada orang yang memerlukan pertolongan. Sikap tolong-menolong melibatkan kepekaan terhadap keperluan orang lain dan kesediaan untuk memberikan bantuan tanpa mengharapkan balasan. Selain itu, tolong-menolong ini mencerminkan kebaikan hati dan keprihatinan terhadap kesejahteraan bersama. Unsur moral tolong-menolong ini jelas tergambar dalam cerita legenda yang bertajuk *Bayan Dan Puteri Kayangan*. Petikan 25 di bawah jelas menunjukkan unsur moral tolong-menolong:

##### Petikan 25

“Suatu hari, Bayan ke hutan menebang pokok untuk dijadikan kayu api. Tiba-tiba dia terdengar jeritan meminta tolong. Rupa-rupanya seekor ular tersepit di celah-celah dahan pokok yang ditebangnya. Bayan bersimpati dengan ular tersebut lalu menolongnya. “Terima kasih atas pertolongan tuan hamba. Hamba berjanji akan membala budi baik tuan hamba ini”, kata ular itu.

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, fatimah Abdul Nasir, 2023: 103)

Cerita ini mengisahkan Bayan yang merupakan penjual kayu api. Pada suatu hari, ketika Bayan sedang menebang pokok, tiba-tiba dia terdengar jeritan untuk meminta tolong dan Bayan pun memberikan pertolongan kerana berasa simpati terhadap nasib ular tersebut. Selepas kerjanya selesai Bayan pun pulang ke rumah dan alangkah terkejutnya Bayan yang mendapati ada makanan yang tersedia hidang di atas meja. Bayan mengetahui bahawa orang yang hidang makanan tersebut adalah ular jelmaan gadis rupawan yang telah disumpah menjadi ular. Oleh hal demikian, jelas menunjukkan bahawa sifat Bayan yang telah menolong ular itu adalah satu sifat yang mulia dan unsur moral tolong-menolong ini boleh dijadikan sebagai teladan kepada masyarakat. Berdasarkan konteks ini, masyarakat boleh menerapkan unsur moral ini dalam kehidupan mereka supaya dapat membentuk etika yang baik serta dapat meneruskan kehidupan di bumi dengan harmoni.

Berdasarkan daripada itu, unsur moral tolong-menolong ini bertungjangkan kepada pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral berperanan sebagai pendekatan yang mempamerkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi kesan yang positif atau negatif kepada manusia. Contohnya, berdasarkan kajian cerita legenda terpilih unsur moral tolong-menolong ini membuktikan bahawa para masyarakat menyukai menghulurkan bantuan atau pertolongan kepada orang lain di saat mereka memerlukan pertolongan. Unsur moral tolong-menolong ini merupakan suatu kebijakan yang dilakukan oleh setiap insan yang berhati mulia untuk meringankan beban orang lain agar ia dapat mewujudkan ukhuwah yang rapat. Jelaslah bahawa, unsur moral tolong-menolong merupakan amalan yang mulia yang patut dicontohi oleh setiap manusia untuk memperoleh kebaikan dan membentuk akhlak yang mulia supaya sentiasa positif terhadap diri sendiri, di samping pengalaman-pengalaman ini akan mendidik mereka bertapa mulianya unsur moral tolong-menolong ini dalam kalangan masyarakat.

#### 4.5 Penutup

Secara tuntasnya, perbincangan yang dikemukakan di atas memperlihatkan bahawa penyelidik telah berupaya menemukan beberapa unsur moral yang terkandung dalam cerita legenda terpilih berdasarkan buku yang bertajuk *366 Cerita Rakyat Terkenal* oleh Zanariah Abdul wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdullah Nasir. Antara unsur moral yang terdapat adalah kasih sayang, bekerjasama, kebijaksanaan, baik hati, ketaatan, kesetiaan, murah hati, bersyukur, kejujuran, rendah diri, keberanian, bermuafakat, kerajinan, tolong-menolong dan keadilan. Melalui penerapan unsur moral ini, ia berperanan untuk memperluaskan pemikiran masyarakat dalam menilai sesuatu karya yang bukan hanya kepada genre cerita legenda sahaja tetapi terhadap genre karya sastera yang lain juga. Selain itu, unsur moral ini dapat meningkatkan sikap-sikap yang mulia dalam diri setiap manusia. Hal ini demikian, kerana unsur moral ini memaparkan gambaran yang positif mendorong masyarakat untuk menambah baikkan diri supaya menjadi seorang hamba yang mulia di mata Allah SWT. Oleh itu, secara tidak langsung unsur moral ini dapat dijadikan sebagai pendidikan untuk semua lapisan masyarakat tanpa had umur yang membacanya.

UNIVERSITI  
Negeri Malaysia  
KELANTAN

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab kelima ini merupakan bahagian penutup kajian yang menyediakan rumusan dan analisis akhir penyelidikan yang dijalankan. Pada bahagian bab ini, penyelidik akan memberikan gambaran secara ringkas tentang bab yang telah dikemukakan sebelumnya. Pengkaji juga akan memberikan gambaran secara terperinci tentang bab empat yang merangkumi analisis yang mendalam terhadap data yang dikumpul dan membentangkan penemuan penting yang diperoleh melalui penyelidikan yang dijalankan. Seterusnya, intipati rumusan ini merangkumi pemahaman yang menyeluruh tentang cerita legenda, penerapan teori juga diletakkan dan penerokaan unsur moral yang tertanam dalam cerita legenda ini. Di samping itu, dalam konteks bab ini penyelidik turut mengusulkan dan menyatakan beberapa cadangan kajian supaya ia dapat memberikan kebaikan kepada orang ramai serta dapat menjana fikiran ke arah yang lebih rasional sekali gus membuka mata orang ramai terhadap cerita legenda. Kesimpulannya, penyelidik akan menghasilkan penutup secara ringkas.

## 5.2 Rumusan

Berdasarkan hasil penyelidikan yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa kajian pengkaji kurang komprehensif dan mendalam. Ini bermakna, penyelidikan ini hanya berfokus kepada genre cerita legenda sahaja. Pengkaji memutuskan untuk memberi tumpuan kepada genre cerita legenda kerana ia mengandungi pelbagai cerita yang menarik dan menyeronokkan. Cerita legenda ini dapat difahami bahawa ia dianggap sebagai satu sifat yang bergerak. Bergerak ini merujuk kepada cerita legenda yang telah disampaikan dari mulut ke mulut secara tidak langsung cerita ini tersebar secara meluas. Pada era kini, cerita legenda telah dibukukan. Walaupun ia telah dibukukan namun penyebaran dari mulut ke mulut tetap bergerak. Sebagai contoh yang mudah, seseorang individu telah membaca cerita legenda lalu individu tersebut menyebarkan cerita itu kepada orang lain. Oleh itu, dapat dibuktikan secara jelas bahawa cerita legenda ini berlakunya perubahan dari individu kepada individu yang lain.

Selain itu, cerita legenda ini senyatanya banyak mempamerkan kepelbagaiian faktor yang jelas dapat dilihat berdasarkan paparan kandungan yang terisi muat di dalam cerita legenda ini. Sebagai contoh faktor adalah budaya, kepercayaan, nilai, spiritual dan sebagainya. Oleh kerana, pelbagai variasi yang dilihat dalam cerita legenda, penyelidik telah terdorong untuk menyelidiki unsur moral dan menjalankan kajian penyelidikan yang mendalam. Pilihan pengkaji untuk memberi tumpuan kepada unsur moral melangkaui sekadar menunjukkan perbezaan daripada kajian terdahulu. Namun begitu, pengkaji berkeinginan untuk memanfaatkan peluang ini untuk menyatakan pandangan atau buah fikiran mereka melalui bentuk bertulis yang kemudiannya akan digunakan untuk tujuan analisis penyelidikan. Di samping itu, para penyelidik sangat tertarik dengan prospek memperoleh pemahaman yang menyeluruh tentang unsur moral. Oleh itu, melalui menjalankan penyelidikan ini, para penyelidik berhasrat untuk mengumpul pandangan dan maklum balas berharga yang akan menyumbang kepada kemajuan dan peningkatan kefahaman tentang unsur moral. Tambahan pula, pemerhatian pengkaji

mendedahkan bahawa unsur-unsur moral dalam cerita legenda ini tidak begitu dititikberatkan oleh pengkaji terdahulu yang menjadi faktor pendorong untuk menjalankan kajian ini.

Setelah menjalankan penyelidikan mengenai cerita legenda yang dipilih, pengkaji berhasil mengeluarkan beberapa unsur moral yang tertanam di dalamnya. Rumusannya, berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan pada bab empat, pengakji meneliti dan berpendapat bahawa ke semua unsur moral tersebut adalah suatu paparan imej atau perkara yang positif yang ditunjukkan oleh watak-watak yang terdapat dalam cerita legenda tersebut. Walau bagaimanapun, penyelidik juga mendapati bahawa unsur moral memainkan peranan penting atau berpotensi untuk memurnikan minda individu dalam komuniti dan membolehkan mereka mengembangkan perspektif yang lebih matang dan menilai secara kritis cerita legenda. Oleh hal demikian, paparan unsur moral dalam sesebuah karya merupakan ciri unik yang dicipta oleh pengarang.

Seterusnya, penyelidik telah mengaplikasikan satu teori tempatan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu yang telah diasaskan oleh Hashim Awang (1989) dalam seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Berdasarkan cerita legenda yang mempunyai unsur moral ini telah membuktikan kejayaan penulis yang mengaplikasikan dirinya dengan nilai-nilai tersebut lalu dikongsikan menerusi penulisan sebuah karya. Hal yang demikian, unsur moral ini tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan unsur-unsur Islam. Selain itu, walaupun unsur moral ini tidak dinyatakan dalam penceritaan tersebut namun masyarakat atau pembaca dapat mengetahui dan mengamati akan mesej-mesej yang tersirat yang disampaikan dalam penceritaan tersebut. Maka secara tidak langsung masyarakat dapat menemui unsur-unsur moral yang disampaikan dalam penceritaan tersebut. Unsur-unsur moral ini adalah perkara yang bagus untuk diperaktikkan dalam diri setiap masyarakat kerana mengamalkan unsur moral ini yang sangat digalakkan oleh ajaran

Islam. Oleh itu, bagi analisis unsur-unsur moral ini bersesuaian dengan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu di dalam kajian.

Kesimpulannya, kajian yang berkaitan dengan unsur-unsur moral ini adalah penting untuk diketengahkan supaya ia dapat dijadikan sebagai rujukan atau paparan untuk masyarakat. Justeru, masyarakat juga perlu diberikan saluran maklumat baharu untuk memupuk minda yang terbuka terhadap pemikiran mereka. Apabila masyarakat mempunyai pemikiran yang luas, mereka dapat mendekati cerita legenda dengan perspektif yang positif dan bukannya yang negatif. Jelaslah bahawa, unsur moral ini dapat memberi satu perspektif yang manfaat kepada masyarakat sejagat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 5.3 Cadangan

Pada bahagian cadangan ini, penyelidik akan membahaskan pendapat berkenaan kepada beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan dan diambil oleh beberapa pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Hal ini kerana, cadangan adalah penting bagi meluluskan sesuatu hal yang disarankan agar mereka dapat ambil dan jalankan agar berlakunya penambahbaikan yang lebih baik daripada sebelumnya. Malah, perkara yang paling penting adalah dapat memperkenalkan topik unsur moral kepada masyarakat yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur, kedudukan sosial dan lain-lain lagi.

Cadangan yang pertama ini ditujukan khas kepada penyelidik-penyelidik yang akan datang. Berbalik semula kepada dapatan yang diperolehi daripada analisis dan perbincangan yang telah dilaksanakan oleh penyelidik. Penyelidik akan mengetengahkan beberapa unsur moral yang terkandung dalam cerita legenda terpilih ini. Penyelidik juga telah menggunakan sebanyak 25 buah cerita legenda yang disertai dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Justeru, penyelidik mengusulkan supaya kajian yang berkaitan dengan unsur-unsur moral dapat dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji yang akan datang agar ianya terus berkembang dengan pesat.

Selain itu, amat disyorkan kepada bakal penyelidik yang mempunyai minat atau hasrat yang ingin melaksanakan kajian mengenai unsur-unsur moral ini disarankan supaya meningkatkan lagi penggunaan jumlah buah cerita legenda. Penyelidik juga berpandangan bahawa dengan adanya peningkatan jumlah penggunaan buah cerita ini dapat menghasilkan satu kajian yang secara tepat serta jelas. Malahan, cerita yang digunakan tidak berfokuskan kepada genre cerita legenda sahaja. Masyarakat juga boleh menggunakan karya sastera yang lain seperti cerpen, novel dan lain-lain lagi. Tambahan pula, penyelidik mencadangkan pengkaji-pengkaji akan datang untuk menerapkan Teori pengkaedahan Melayu ini di dalam kajian mereka. Rentetan itu,

cadangan yang telah dibahaskan di atas adalah diharapkan supaya terdapat penambahbaikan di masa hadapan sebelumnya yang mana penyelidik akan datang dapat mengutarakan sesuatu hujahan, pemikiran, pendapat dan pandangan secara mendalam dan jelas menerusi penulisan kajian penyelidikan yang dilaksanakan oleh mereka agar dapat menyumbang kemudahan kepada penyelidik akan datang.

Cadangan yang seterusnya adalah ditujukan kepada pihak pengurusan penerbitan karya. Pengkaji mencadangkan agar pihak penerbitan untuk menerbitkan satu karya sastera yang khususnya mengenai unsur moral yang terdapat dalam cerita legenda atau sebagainya. Namun begitu, tujuan penerbitan buku bukan hanya untuk menerangkan berkenaan unsur-unsur moral sahaja tetapi perlu juga menekankan dengan pengolahan pengajaran dan unsur-unsur negatif juga. Contohnya, unsur-unsur moral yang terdapat dalam cerita legenda adalah unsur kasih sayang maka melalui unsur moral tersebut perlu disekalikan dengan pengolahan tentang unsur negatif supaya pembaca dapat membezakan kebaikan dan keburukan. Hal ini, bertujuan supaya masyarakat yang membacanya mengambil sesuatu dengan sudut yang positif seperti melalui unsur moral bersyukur yang mengajar masyarakat untuk bersyukur selalu dengan nikmat yang telah dikurniakan. Sekiranya buku itu berjaya diterbitkan, pengkaji turut mengesyorkan agar penerbit buku berpeluang meningkatkan jualan dan memperluaskan lagi jualan buku di pasaran Malaysia dengan mengedarkan buku tersebut di beberapa buah kedai yang beradi di Malaysia. Antaranya adalah Pustaka Saujana, SMO, Bookstores, Popular dan MBS Bookstore.

Malahan, dapat menggunakan teknologi canggih seperti telefon pintar dalam mengiklankan serta memasarkannya secara pelbagai bentuk dalam platform talian. Sehubungan dengan cadangan yang telah dinyatakan, ia memudahkan mereka untuk mendapatkan buku unsur-unsur moral melalui platform talian atau kedai-kedai buku yang berhampiran dengan mereka. Sebaik sahaja buku itu diterbitkan dan tersedia untuk

dijual, sudah pasti akan ada masyarakat yang akan membelinya. Oleh hal demikian, tidak mustahil sekiranya ada dalam kalangan mereka yang berminat untuk mengetahui dan ingin mendalami apa yang dimaksudkan dengan unsur moral ini. Ini dapat membuka pendedahan awal kepada masyarakat tentang unsur moral tersebut. Oleh itu, cadangan berpotensi untuk memberikan komuniti dengan pandangan yang berharga dan komprehensif supaya membolehkan mereka menjadi lebih bijak dalam penilaian dan mengkritik terhadap karya tertentu.

Oleh hal demikian, penyelidik menyatakan hasrat agar saranan ini mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Hasrat di sebalik cadangan ini bukan sahaja untuk memperkenalkan kepada masyarakat tetapi juga untuk menghidupkan dan melestarikan kembali cerita legenda ini dengan memasukkan unsur-unsur moral supaya ia tidak dilupakan oleh masyarakat.

#### 5.4 Penutup

Sebagai penutup akhir bagi analisis kajian ini, penyelidik mendapati bahawa setiap kajian yang dijalankan oleh mana-mana penyelidik, tanpa mengira konteks penyelidikan sekalipun telah menyumbang suatu nilai yang signifikan bukan sahaja untuk penyelidik tetapi juga untuk komuniti akademik yang lain. Kajian-kajian ini berpotensi memberi impak yang luas kepada pertumbuhan dan perkembangan peribadi penyelidik serta menyumbang kepada kemajuan ilmu dalam bidang masing-masing. Oleh hal demikian, nilai yang bermanfaat ini adalah apabila kajian yang dihasilkan ini dapat dikongsikan dan disebarluaskan secara meluas kepada orang lain. Ini menunjukkan bahawa penyelidikan ini mempunyai manfaat bukan sahaja untuk penyelidik semata-mata tetapi juga untuk orang lain. Oleh itu, pengkaji mengharapkan penyelidikan yang telah disediakan oleh penyelidik dapat memberikan pemahaman secara jelas dan mendalam dalam bidang kesusastraan. Selain itu, penyelidik berharap agar kajian yang dilaksanakan ini serba sedikit dapat menyumbang dalam memberi inspirasi mengenai kajian yang ingin dikaji oleh penyelidik-penyelidik akan datang. Kesimpulannya, penyelidik berharap tinggi adalah dimana kajian mengenai unsur moral ini dapat memberi perhatian oleh penyelidik-penyelidik baru agar unsur moral ini dapat dikembangkan lagi penyebarannya.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2018). *Inti Sari Teori Sastera: Barat dan Malaysia*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- Abdurrahman Kasdi (2014). *Pemikiran Ibnu Khaldun dalam Perspektif Sosiologi dan Firasat Sejarah*. Jurnal Fitrah, 2 (1), 291-307.
- Aboebakar Atjeh (1988). Akhlak dalam Islam. Edisi Ketiga. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2001). *Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan Dan Cabaran Alaf baru*. Kuala Lumpur: utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Achmad D. Marimba. (1981). *Pengantar Firasat Pendidikan Islam*. Penerbit Al-Maruf.
- Aimi Khairunnusa Abdul Karim & Nurliana Suhaimi. (2020). *Kepentingan Teori Dan Ilmu Sosiologi Dalam Konteks Pendidikan Menurut Perspektif Ibnu Khaldun*. Jurnal Tuah, 1, 41-53.
- Asniza Zakaria. (2019). *Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Legenda Kedah Dan Motif Darah Putih*. Jurnal IPDA, 26 (1), 203-211.
- Azmin Yusoff & Muhamad Ismail Abdullah. (2017). *Adab Unggul Islam dalam Persahabatan Antara Islam*. Malaysian Online of Education. 1 (2), 102-112.
- Azhariah Binti Abdul Kadir. (2010). *Ketaatan Rakyat Malaysia Terhadap Kepimpinan Negara Ditinjau Menurut Perspektif Teori Ulu Al-Amr*. Ijazah Sarjana Syariah. Jabatan Siasah Syar'iyyah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bernard, B & Steiner G. A. (1964). *Human Behaviour. An Inventory of Scientific Finding*. New York: Harcourt, Brace & World.
- Carl Gustav Jung. (2003). *The Spirit in Man, Art and Literature*. London: Routledge.
- Charles H. Long. (1963). *Alpha: The Myth of Creation*. New York: George Braziller.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). *Manifestasi kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif pengkaedahan Melayu*. Jurnal Melayu, 17 (2), 328-342.
- Cheng Jia Min & Low Kok On. (2019). Asal Usul, Pengolahan dan Simbol Ragam Gerak Sumanggak Etnik Tombonuo. *Journal of International Standard Serial Number*, (30), 47-78.
- Chong Ah Fok. (2018). Prinsip dan Konsep Teori Moral Alamiah Dalam Novel S.A.B.A. *Journal of Malay Literature*, 31 (2), 311-331.
- Clarices Gallus & Low Kok On. (2016). Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema: *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 6, 27-54.
- Danandjaja, James. (1986). *Folklor Indonesia, Ilmu Gosip, Dongeng Dan Lain-Lain*. Jakarta: Grafiti Press.
- Fadzil Yusoff. (2017). *Pemaknaan Kosmologi Biotik Dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Faez Huzaini Ramleh & Humin Juslin. (2018). Unsur Spiritual Dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (2), 256-273.

- Fifi Rinyuk. (2017). *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Doctoral Dissertation, Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin. (2017). Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. *Journal of Malay Language, Education and Literature (PENDETA)*, (8), 36-46.
- Gorys Keraf. (2000). *Komposisi: Sebuah Pengantar Kemahiran Bahasa*. Ende Flores: Nusa Indah Ltd.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2 (4), 1-11.
- Haji Muhammad Saidin. (1995). *Budaya Melayu. Pulau Pinang*: Sinaran.
- Haji Muhammad Saidin. (1964). *Budaya Melayu. Pulau Pinang*: Sinaran.
- Harsojo. (1988). *Pengantar Antropologi*. Bandung: Bina Cipta Press.
- Hashim Awang & Hashim Ismail. (2016). Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antara Budaya Melayu-Jawa dalam Sulalatus As-Salatin. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 23 (1), 1-20.
- Hashim Awang. (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Hashim Awang. (1989). *Kajian Sastera: Suatu Pendekatan Melayu*. Dewan Sastera Disember. 60-63.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip penerapannya*. Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu. Rivera Bay Resort, 202-23 Jun.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. *Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jun: 28-29.
- Hashim Awang. (1985). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hashim Awang. (1994). *Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian*. Dewan Sastera, Februari, 10-15.
- Hashim Awang. (1999). *Teori Sastera Sendiri: Pengkaedahan Melayu*. *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hashim Awang. (1999). *Teori Sastera Sendiri. Pengkedahan Melayu*. Kertas Kerja Dibentangkan Pada Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, di Hotel the Summit USJ 1, 6-8 Disember.
- Hashim Awang. (1993). *Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air*. Dewan Sastera. Februari: 52-57.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Kertas Kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Riviera BY Resort, Melaka.
- Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali @ Zalay. (2020). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Si Luncai Dalam Karya Seni Cetakan. *Ideology Journal*, 5 (1), 17-29.

- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hidayat, Noviani Arum Sari Nur dan Dinie Anggraeni Dewi. (2021). Meningkatkan Kesedaran Generasi Muda Terhadap Implementasi Nilai-Nilai Pancasila di Era Globalisasi. *Edu Psycouns: Journal of Education, Psychology and Counseling*: 50-57.
- Hooykaas, C. (1952). *Penjedar Sastra. Terj.* Rameol Amar Gelar Datuk Besar. Jakarta: J.B Wolters.
- Hooykaas. (1965). *Penyedar Sastra. London: London Oxford University Press.*
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusastraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia.
- I Woyan Koyan. (2014). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. UNDIKSHA Singaraja.
- Jacquelina Karimon & Shaiful Bahri Mohd Radzi. (2021). Mitos Asal usul Kosmologi Murut Paluan Dan Kadazandusun: Satu Perbandingan. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 7 (1).
- Jacquelina Karimon & Shaiful Bahri Mohd Radzi. (2021). Merungkai Rahsia Mistik Kehidupan Etnik Murut Paluan dalam Mitos Tumbuhan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 14 (2).
- Jamal Riza; Razali, Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabila Ahmad, Hasmadi Hassan & Imaduddin Abidin. (2021). Langit. Gunung dan Cinta Pun Bersemi Di Kaki Benom. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. 10 (3).
- Jamal Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid. (2021). Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah: Heroism Values in Select Tangon of Kimaragang Community in Sabah. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 32 (1), 175-201.
- James Danandjaja. (2007). *Folklor Indonesia, Ilmu Gosip, Dongeng dan Lain-lain*. Jakarta Pustaka Utama Grafiti.
- Johari Yahaya. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Dari perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sastera, Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Jurna Petri. (2018). Akulturasi Nilai-Nilai Budaya Lokal dan Keagamaan Dan Pengaruhnya Terhadap Perilaku-Perilaku Sosial. *Jurnal Kajian Keislaman dan kemasyarakatan*. 3 (2), 87-92.
- Junaini Kasdan. (2020). Penciptaan Istilah dan Akal Budi Melayu. *International Journal of The Malay World and Civilisation*. 8 (1), 3-16.
- Jumali Selamat (2001). *Nilai-Nilai dalam Pantun Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia Selangor.
- Kamus Dewan. (2005). *Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Kamus Dewan. (2007). *Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Kamus Dewan. (2015). *Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka*.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah: Kementerian Pendidikan Malaysia Bahagian pembangunan Kurikulum*. Dewan Bahasa dan Kuala Lumpur.
- Mahyuddin K.M Nasution. (2017). *Merancang Pernyataan Masalah*. Universitas Sumatera Utara: Fakultas Ilmu Komputer dan Teknologi Informasi (Fasilkom-TI).
- M.B Hooker & Harun Daud. (19920. *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizura Osman & Nor Hasimah Jalaluddin. (2020). *Pengesahan Mitos Kegagahan Badan Melalui Metafora: Analisis Teori Relevans*, Jurnal Bahasa. (20) 1.
- Mansur Tanra, Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2019). Pemmali Dalam Masyarakat Bugis Di Pantai Timur Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*. 7 (1).
- Maurice N.Richer. (1987). *Exploring Sociology*. Peacock Publishers: New York.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohammad Sharifuddin Yusop. (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of language, education and Applied Linguistic (PENDETA)*. 3 (2), 91-100.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). Unsur Amanat dan Impak Lirik Dikir barat Halim Yazid. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. (4) 67-80.
- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Di Gua Musang, kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4 (2), 45-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*. 2 (2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4 (2), 45-47.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Nilai murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (Teniat)*. 5 (2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Falsafah pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara Oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*. 5 (2), 67-74.

- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Apandi. (2017). Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistic (PENDETA)*. 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (Teniat)*. 5 (2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia, (UMK).
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2018). *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, kelantan*. Universiti Malaysia Kelantan: UMK Press.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*. 16 (2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*. 8 (1).
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatin ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farra Atikah Saari & Nasirin Abdillah. (2021). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 10 (1).
- Mohammad Fazeli Jaafar. (2016). Gaya Ujaran dalam teks kesusasteraan Melayu. *Jurnal Komunikasi*. 32 (2), 31-36.
- Mohammad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid & Samsilah Roslan. (2015). Penghayatan Nilai murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 18, 1-20.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman. (2015). Awang Batil dan Pura Taman iaitu Suatu Perbandingan Tradisi Penglipur Lara Melayu dan Orang Asli. *ATIKAH: Jurnal Kajian pendidikan*. 5 (1), 49-64.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. Penerbit UTM Skudai: Johor.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor. (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Jurnal Sains Insani*. 1 (1), 91-98.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang & Nor Asiah Muhamad. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan Juku: *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia pasifik*. 5 (4), 26-30.
- Moorman. (1993). Faktor Yang Mempengaruhi kepercayaan Dalam hubungan Penyelidikan. *Journal marketing*. 57 (1), 81-10.

- Mohd saberi Muda. (2017). Puisi Ke Teater. Transformasi Karya Marzuki Ali. *Jurnal Melayu*. 16 (1).
- Mohd Taib Osman. (1976). *Pendokumentasian Sastera Rakyat Dan Sastera Daerah Malaysia*. Dewan Sastera. 7, 39-41.
- Mohd Taib osman. (1991). *Pengkajian Sastera Lisan Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun Di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan. *Malaysia Journal of Society and Space*. 17 (2), 355-365.
- Muhammad Azrul Deraman. (2015). *Nilai-Nilai Kemanusian Dalam Cerita Rakyat Hasil Koleksi Zakaria Hitam*. UMK.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (1976). *Kelangsungan Kebudayaan Dan Arah Perkembangan*. Dewan Bahasa, 20 (9), 90-102.
- Muhammad Izzat Farhan Mohamad. (2021). *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu penelitian Pendekatan Kemasyarakatan* (Doctoral Dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Merusi Cerita Rakyat Melayu*. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*. 8 (2).
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). *Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak*.
- Mustafa Haji Daud. (1995). *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norita Ariffin (2006). *Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2013). *Nilai-Nilai Murni dalam Komik Upin dan Ipin Suatu Gambaran Kebudayaan Melayu*. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Selamat, Jumali Hj. (2001). *Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel Remaja*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Shaiful Bhari Md Radzi. (2016). Si Tanggang Moden dan Perubahan Makna dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Comumnication*. 31 (2).
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2019). Islam: *Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur. Ta'dib International.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Tylor (1874). Primitive Culture: Research inti the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Language, Art and Custom. Vol.2. Universiti California: Estes and Lauriat.

- Yusoff Iskandar. (1989). *Mitos dan Legenda Sebagai Unsur Penulisan Sejarah Melayu*. Ins. Zahrah Ibrahim (ed). Sastera Sejarah: Interpretasi dan penilaian: 140-164. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdul Nasir. (2023). *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Edukid Publication Sdn. Bhd.
- Zainal Abidin Borhan (2001). Adat Melayu Melaka. Kajian Teori Pengkaedahan Melayu. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Zikeria, Siti Zuhaidah. *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar*. Diss. Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Serdang, 2015.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BIODATA PENULIS



Nama diberi Nurliza Binti Mohamed bernombor matrik C20A1326. Dilahirkan pada 23 Mei 2000 di Hospital Jengka, pahang. Beliau merupakan anak ketiga daripada lima adik-beradik. Beliau memulakan pendidikan rendah di Sekolah kebangsaan Kuala Wau. Seterusnya, beliau melanjutkan pengajian di Peringkat Sijil pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pengajian Malaysia (STPM) di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Afzan, Chenor. Penulis melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan kepujian elektif kesusasteraan Warisan. Hobi beliau adalah membaca novel dan cita-citanya ingin menjadi seorang Guru. Harapan beliau pada masa akan datang adalah untuk menjadi seseorang yang berguna kepada semua masyarakat dan anak yang taat kepada ibu bapa. Pegangan prinsip yang sentiasa menjadi motivasi untuk mengharungi liku-liku sebuah kehidupan ialah “Setiap Yang Berlaku Pasti Ada Hikmahnya”.

KELANTAN